



NEGERI PERAK

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

Jil. 69  
Bil. 13

**23hb Jun 2016**

*TAMBAHAN No. 1  
ENAKMEN*

---

Enakmen-Enakmen yang berikut telah diluluskan oleh Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan pada 18 April 2016 dan telah diperkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak pada 15 Jun 2016 disiarkan untuk pengetahuan umum:

The following Enactments passed by the State Legislative Assembly of Perak Darul Ridzuan on 18 April 2016 and assented to by His Royal Highness the Sultan of Perak on 15 June 2016 are published for general information:

No.	Tajuk Ringkas/Short Title
Enakmen 10	Enakmen Pengurusan Pesisir Pantai Perak 2016
Enactment 10	Perak Coastal Management Enactment 2016
Enakmen 11	Enakmen Lembaga Perumahan dan Hartanah Perak 2016
Enactment 11	Perak Housing and Real Property Board Enactment 2016





# **UNDANG-UNDANG NEGERI PERAK**

**ENAKMEN 10**

**ENAKMEN PENGURUSAN PESISIR  
PANTAI PERAK 2016**

Tarikh Perkenan Diraja ... ... ... 15 Jun 2016

Tarikh penyiaran dalam *Warta* ... ... 23 Jun 2016

# **ENAKMEN PENGURUSAN PESISIR PANTAI PERAK 2016**

---

## **SUSUNAN SEKSYEN**

---

### **BAHAGIAN I**

#### **PERMULAAN**

#### **Seksyen**

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

### **BAHAGIAN II**

#### **PENUBUHAN MAJLIS PENGURUSAN PESISIR PANTAI**

3. Majlis Pengurusan Pesisir Pantai
4. Fungsi Majlis
5. Kuasa Majlis
6. Perwakilan kuasa atau fungsi oleh Pihak Berkuasa Negeri
7. Keahlian Majlis
8. Tempoh jawatan
9. Elaun
10. Pembatalan dan peletakan jawatan
11. Pengosongan jawatan
12. Mesyuarat dan tatacara Majlis
13. Penzahiran kepentingan
14. Obligasi kerahsiaan
15. Pekhidmat awam

### **BAHAGIAN III**

#### **PENYELARASAN, PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN KAWASAN PESISIR PANTAI**

##### **Seksyen**

16. Majlis menyediakan rancangan penyelarasan, pengurusan dan pembangunan
17. Rancangan penyelarasan, pengurusan dan pembangunan
18. Pelaksanaan rancangan penyelarasan, pengurusan dan pembangunan oleh Entiti Kerajaan

### **BAHAGIAN IV**

#### **PELESENAN**

19. Aktiviti yang perlu dilesen
20. Perkhidmatan yang perlu dilesen
21. Permohonan lesen
22. Keputusan
23. Kuasa untuk mengenakan syarat
24. Tempoh lesen
25. Daftar lesen
26. Obligasi pemegang lesen
27. Pembatalan dan penggantungan lesen
28. Rayuan
29. Sekatan lesen bagi maksud tertentu
30. Kuasa untuk mengecualikan daripada keperluan lesen

**BAHAGIAN V**  
**FI, CAJ, LEVI DAN BAYARAN LAIN**

**Seksyen**

31. Penetapan fi, caj, levi dan bayaran lain
32. Kutipan fi, caj, levi dan bayaran lain
33. Mendapatkan semula fi, caj, levi dan bayaran lain

**BAHAGIAN VI**  
**AM**

34. Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan
35. Penalti dalam hal kesalahan berterusan
36. Pengkompaunan kesalahan
37. Peruntukan Enakmen adalah mengatasi



## UNDANG-UNDANG NEGERI PERAK

### ENAKMEN 10

#### ENAKMEN PENGURUSAN PESISIR PANTAI PERAK 2016

BETA PERKENANKAN,

SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH,  
*Sultan Perak*

15 Jun 2016

Suatu Enakmen untuk menyelaras pembangunan dan pengurusan aktiviti dan perkhidmatan di kawasan pesisir pantai di Negeri Perak dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

[ ]

**DIPERBUAT** oleh Badan Perundangan Negeri Perak Darul Ridzuan seperti berikut:

#### BAHAGIAN I PERMULAAN

##### Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

**1.** (1) Enakmen ini bolehlah dinamakan sebagai Enakmen Pengurusan Pesisir Pantai Perak 2016.

(2) Enakmen ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

##### Tafsiran

**2.** Dalam Enakmen ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“aktiviti” ertinya apa-apa aktiviti di kawasan pesisir pantai yang dinyatakan dalam seksyen 19;

“ditetapkan” ertinya yang ditetapkan oleh peraturan di bawah Enakmen ini;

“Entiti Kerajaan” ertinya apa-apa jabatan, jawatan, agensi, pihak berkuasa, suruhanjaya, jawatankuasa, lembaga, majlis atau badan lain, diperbadankan atau tidak diperbadankan, bagi Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau kerajaan tempatan, sama ada ditubuhkan di bawah undang-undang bertulis atau selainnya dan apabila konteks menghendaki, hendaklah termasuk orang diberi kuasa;

“kawasan pesisir pantai” ertinya kawasan yang meliputi apa-apa bahagian laut yang berdampingan dengan pantai tidak melebihi tiga batu nautika diukur dari garis air surut dan kawasan bersempadan lima kilometer ke sebelah darat dari garis min air pasang perbani termasuk sungai dan rizab air hingga ke kawasan yang dipengaruhi oleh air masin;

“Kerajaan Negeri” ertinya Kerajaan Negeri Perak;

“Kumpulan Wang Disatukan” ertinya Kumpulan Wang Disatukan bagi Negeri ini;

“lesen” ertinya lesen yang dikeluarkan di bawah Enakmen ini;

“Majlis” ertinya Majlis Pengurusan Pesisir Pantai yang ditubuhkan di bawah seksyen 3;

“Negeri” ertinya Negeri Perak;

“orang” termasuklah kumpulan orang, sama ada diperbadankan atau tidak diperbadankan;

“orang diberi kuasa” ertinya mana-mana pegawai Kerajaan Negeri, apa-apa jabatan, jawatan, agensi, pihak berkuasa, suruhanjaya, jawatankuasa, lembaga, majlis atau badan lain, diperbadankan atau tidak diperbadankan, sama ada ditubuhkan di bawah apa-apa undang-undang bertulis atau selainnya yang telah diberi kuasa secara bertulis oleh Majlis untuk mengurus, mentadbir atau menjalankan apa-apa tindakan yang dibenarkan oleh Enakmen ini;

“pemegang lesen” ertinya seseorang yang dilesenkan di bawah Enakmen ini;

“perkhidmatan” ertinya apa-apa perkhidmatan yang dijalankan di kawasan pesisir pantai yang dinyatakan dalam seksyen 20;

“perkhidmatan pengurusan sumber” termasuk penyediaan pembekalan air bersih, bahan api dan bahan pelincir, dan pembuangan kumbahan dan sisa;

“Pihak Berkuasa Negeri” ertinya Majlis Mesyuarat Kerajaan Perak Darul Ridzuan dan;

“rancangan penyelarasan, pengurusan dan pembangunan” ertinya sebuah rancangan penyelarasan, pengurusan dan pembangunan yang menyeluruh yang disediakan di bawah seksyen 16.

## BAHAGIAN II

### PENUBUHAN MAJLIS PENGURUSAN PESISIR PANTAI

#### **Majlis Pengurusan Pesisir Pantai**

**3.** Pihak Berkuasa Negeri hendaklah menubuhkan sebuah majlis yang bernama “Majlis Pengurusan Pesisir Pantai” untuk memberi nasihat dan membuat perakuan kepada Pihak Berkuasa Negeri mengenai perkara yang berkaitan dengan kawasan pesisir pantai dalam Negeri, melaksanakan fungsinya dan menjalankan kuasanya di bawah Enakmen ini.

#### **Fungsi Majlis**

**4.** Majlis hendaklah mempunyai fungsi seperti yang berikut:

(a) untuk menasihat dan merumuskan dasar dan langkah strategik berkaitan dengan pembangunan dan pemeliharaan kawasan pesisir pantai;

(b) untuk memantau dan menyelaras pelaksanaan dasar dan langkah strategik berkaitan dengan pembangunan dan pemeliharaan kawasan pesisir pantai;

- (c) untuk mengawal selia aktiviti dan perkhidmatan yang dijalankan di kawasan pesisir pantai;
- (d) untuk menggalakkan pemuliharaan dan perlindungan kawasan pesisir pantai;
- (e) untuk melindungi kepentingan Negeri berkenaan dengan kawasan pesisir pantai; dan
- (f) untuk menjalankan apa-apa fungsi lain yang diberi kepada Majlis di bawah Enakmen ini.

### **Kuasa Majlis**

**5.** Majlis hendaklah mempunyai kuasa untuk melakukan segala benda yang perlu atau suai manfaat bagi atau yang berkaitan dengan pelaksanaan fungsinya termasuklah kuasa untuk—

- (a) mengawal dan menyelaras Entiti Kerajaan dalam operasi yang berkenaan kawasan pesisir pantai;
- (b) mengeluarkan arahan kepada mana-mana Entiti Kerajaan dalam perkara yang berkenaan dengan kawasan pesisir pantai;
- (c) melantik atas terma yang difikirkannya patut, orang diberi kuasa untuk mengurus, mentadbir atau melaksanakan apa-apa tindakan yang dikehendaki untuk dijalankan atau dibuat dalam melaksanakan fungsinya atau bagi menjalankan dengan baik maksud Enakmen ini;
- (d) menghendaki mana-mana orang mengemukakan maklumat bagi membantu Majlis dalam melaksanakan fungsinya; dan
- (e) melantik penasihat termasuk pakar dan orang lain sebagaimana yang difikirkannya sesuai bagi maksud melaksanakan fungsinya.

**Perwakilan kuasa atau fungsi oleh Pihak Berkuasa Negeri**

6. Pihak Berkuasa Negeri boleh, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, mewakilkan kepada Majlis penjalanan atau pelaksanaan, tertakluk kepada apa-apa syarat, batasan atau sekatan yang ditetapkan dalam pemberitahuan itu, mana-mana kuasa atau fungsinya di bawah Enakmen ini, dengan syarat bahawa—

- (a) seksyen ini tidaklah terpakai bagi mana-mana kuasa atau fungsi Pihak Berkuasa Negeri di bawah Enakmen ini untuk membuat peraturan-peraturan; dan
- (b) apa-apa pemberitahuan yang diberikan di bawah seksyen ini berkenaan dengan mana-mana kuasa atau fungsi tidaklah menghalang Pihak Berkuasa Negeri daripada menjalankan atau melaksanakan kuasa atau fungsi yang diwakilkannya itu dalam apa-apa hal jika didapati oleh Pihak Berkuasa Negeri bermanfaat berbuat demikian.

**Keahlian Majlis**

7. (1) Majlis hendaklah terdiri daripada ahli-ahli berikut:

- (a) Menteri Besar sebagai Pengerusi atau mana-mana orang yang dinamakan oleh beliau;
- (b) Setiausaha Kerajaan Negeri sebagai Timbalan Pengerusi;
- (c) Penasihat Undang-Undang Negeri;
- (d) Pegawai Kewangan Negeri;
- (e) dua orang ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan yang dilantik oleh Pihak Berkuasa Negeri; dan
- (f) sehingga lima orang ahli lain yang akan dilantik oleh Menteri Besar.

(2) Ahli yang dilantik di bawah perenggan (1)(f) hendaklah orang yang layak dan sesuai daripada kalangan orang yang, pada pendapat Menteri Besar, mempunyai kedudukan dan pengalaman bagi maksud Enakmen ini.

(3) Dalam menentukan sama ada seseorang adalah orang yang layak dan sesuai bagi maksud subseksyen (2), Menteri Besar hendaklah mengambil kira—

- (a) kejujuran yang tidak diragui, kompeten dan kewajaran pertimbangan orang itu dalam memenuhi tanggungjawabnya sebagai ahli Majlis; dan
- (b) ketekunan yang membolehkan orang itu memenuhi tanggungjawabnya sebagai ahli Majlis.

(4) Pengerusi hendaklah melantik sekretariat Majlis.

### **Tempoh jawatan**

**8.** Tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang dinyatakan dalam surat cara pelantikannya, seseorang ahli Majlis yang dilantik di bawah perenggan 7(1)(f) hendaklah, melainkan jika dia terlebih dahulu meletakkan atau mengosongkan jawatannya atau pelantikannya terlebih dahulu dibatalkan, memegang jawatan bagi tempoh tidak melebihi satu tahun dan hendaklah layak dilantik semula tertakluk kepada budi bicara Menteri Besar.

### **Elaun**

**9.** Ahli Majlis hendaklah dibayar elauan sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri Besar.

### **Pembatalan dan peletakan jawatan**

**10.** (1) Menteri Besar boleh, pada bila-bila masa, membatalkan pelantikan mana-mana ahli Majlis yang dilantik di bawah perenggan 7(1)(f).

(2) Mana-mana ahli Majlis yang dilantik di bawah perenggan 7(1)(f) boleh, pada bila-bila masa, meletakkan jawatan dengan memberikan satu bulan notis bertulis kepada Menteri Besar.

### **Pengosongan jawatan**

**11.** (1) Jawatan seseorang ahli Majlis yang dilantik di bawah perenggan 7(1)(f) hendaklah menjadi kosong sekiranya—

- (a) dia meninggal dunia;
- (b) telah dibuktikan terhadapnya, atau dia telah disabitkan atas, suatu pertuduhan berkenaan dengan—
  - (i) kesalahan yang melibatkan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak;
  - (ii) kesalahan di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan rasuah atau di bawah Enakmen ini; atau
  - (iii) apa-apa kesalahan lain yang boleh dihukum dengan pemenjaraan selama lebih daripada dua tahun;
- (c) dia menjadi bankrap;
- (d) jika dia tidak sempurna akal atau selainnya tidak berupaya menunaikan kewajipannya;
- (e) dia tidak menghadirkan diri ke mesyuarat Majlis tiga kali berturut-turut tanpa kebenaran Pengerusi;
- (f) peletakan jawatannya diterima oleh Menteri Besar; atau
- (g) pelantikannya dibatalkan oleh Menteri Besar.

(2) Pengosongan jawatan yang berlaku kerana subseksyen (1) hendaklah diisi dengan pelantikan baru mengikut cara yang sama seperti cara ahli, yang tempatnya ingin diisi, telah dilantik.

**Mesyuarat dan tatacara Majlis**

**12.** (1) Pengerusi hendaklah mempengerusikan semua mesyuarat Majlis.

(2) Jika Pengerusi tidak hadir pada mana-mana mesyuarat Majlis, dia boleh melantik Timbalan Pengerusi atau, dalam ketidakhadiran Timbalan Pengerusi, seorang anggota Majlis, untuk mengantikannya sebagai pengerusi mesyuarat itu.

(3) Majlis boleh menentukan tatacaranya sendiri.

**Penzahiran kepentingan**

**13.** (1) Seseorang ahli Majlis yang mempunyai, secara langsung atau tidak langsung, apa- apa kepentingan berhubung dengan apa-apa perkara yang sedang dibincangkan oleh Majlis hendaklah menzahirkan kepada Majlis, hakikat dan jenis kepentingannya itu.

(2) Penzahiran di bawah subseksyen (1) hendaklah dicatatkan dalam minit mesyuarat Majlis.

**Obligasi kerahsiaan**

**14.** Kecuali bagi mana-mana maksud Enakmen ini atau bagi maksud apa-apa prosiding sivil atau jenayah di bawah mana-mana undang-undang bertulis, tiada ahli Majlis boleh mendedahkan apa-apa maklumat yang telah diperolehnya semasa menjalankan kewajipannya sebagai ahli Majlis.

**Pekhidmat awam**

**15.** Ahli Majlis semasa menjalankan tugas mereka sebagai ahli sedemikian hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan [Akta 574] dan berhak mendapat imuniti selagi ahli tersebut bertindak dengan suci hati.

## BAHAGIAN III

PENYELARASAN, PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN  
KAWASAN PESISIR PANTAI**Majlis menyediakan rancangan penyelarasan, pengurusan dan pembangunan**

**16.** Majlis boleh dalam melaksanakan fungsinya di bawah subseksyen 4(a), menyediakan rancangan penyelarasan, pengurusan dan pembangunan kawasan pesisir pantai Negeri.

**Rancangan penyelarasan, pengurusan dan pembangunan**

**17.** (1) Rancangan penyelarasan, pengurusan dan pembangunan hendaklah termasuk—

- (a) pernyataan mengenai objektif rancangan itu;
- (b) rujukan kepada polisi dan rancangan lain yang memberi kesan pada kawasan pesisir pantai;
- (c) aktiviti yang sangat mempengaruhi pembangunan kawasan pesisir pantai;
- (d) strategi dan langkah-langkah bagi perlindungan, pemuliharaan, pembangunan dan penggunaan kawasan pesisir pantai;
- (e) penanda aras bagi pencapaian objektif dan pelaksanaan langkah-langkah; dan
- (f) apa-apa perkara lain yang boleh dimasukkan oleh Majlis.

(2) Rancangan penyelarasan, pengurusan dan pembangunan hendaklah disiarkan dalam apa-apa bentuk sebagaimana yang difikirkan patut oleh Majlis dan hendaklah dijadikan tersedia ada kepada Entiti Kerajaan.

(3) Rancangan penyelarasan, pengurusan dan pembangunan boleh dipinda dari semasa ke semasa oleh Majlis.

**Pelaksanaan rancangan penyelarasan, pengurusan dan pembangunan oleh Entiti Kerajaan**

**18.** Hendaklah menjadi kewajipan Entiti Kerajaan untuk mengambil tahu, dan bertindak selaras dengan kandungan rancangan penyelarasan, pengurusan dan pembangunan—

- (a) semasa melaksanakan fungsi dan tugas Entiti Kerajaan, dan dalam menjalankan kuasa Entiti Kerajaan di kawasan pesisir pantai; dan
- (b) dalam hal mengemukakan dan meluluskan apa-apa cadangan atau pelaksanaan, apa-apa pembangunan atau aktiviti lain di kawasan pesisir pantai.

**BAHAGIAN IV****PELESENAN****Aktiviti yang perlu dilesen**

**19.** (1) Tiada orang boleh menjalankan di kawasan pesisir pantai, apa-apa aktiviti perdagangan yang berkaitan dengan—

- (a) akuakultur;
- (b) pelancongan termasuk sukan air;
- (c) perlombongan;
- (d) pembinaan atau operasi mana-mana bagan, dermaga, dok dan tambangan di kawasan pesisir pantai;
- (e) penghimpitan apa-apa vesel, bot dan jenis pengangkutan air lain yang berlabuh di kawasan pesisir pantai;
- (f) apa-apa jenis pengangkutan barang atau penumpang dalam kawasan pesisir pantai; atau
- (g) apa-apa aktiviti lain yang boleh ditentukan oleh Pihak Berkuasa Negeri;

melainkan jika orang tersebut dilesenkan di bawah Enakmen ini.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subsekyen (1) atau melanggar mana-mana syarat atau sekatan yang dikenakan berhubung dengan lesen adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, jika disabitkan, dikenakan denda tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

### **Perkhidmatan yang perlu dilesen**

**20.** (1) Tiada orang boleh menyediakan di kawasan pesisir pantai, apa-apa perkhidmatan berikut:

- (a) penyelenggaraan, pembaikan dan pemberkualihan apa-apa vesel, bot dan jenis pengangkutan air yang lain;
- (b) menjalankan operasi jeti atau terminal persendirian;
- (c) menurun atau memuat apa-apa kargo atau penumpang daripada atau ke atas sesuatu vesel di mana-mana dermaga persendirian yang diluluskan untuk beroperasi;
- (d) menyediakan perkhidmatan pengurusan sumber kepada vesel; atau
- (e) apa-apa perkhidmatan lain yang boleh ditentukan oleh Pihak Berkuasa Negeri;

melainkan jika orang tersebut dilesenkan di bawah Enakmen ini.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subsekyen (1) atau melanggar mana-mana syarat atau sekatan yang dikenakan berhubung dengan lesen adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, jika disabitkan, dikenakan denda tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

### **Permohonan lesen**

**21.** (1) Permohonan untuk lesen di bawah Enakmen ini hendaklah dibuat kepada orang diberi kuasa mengikut bentuk dan cara berserta dengan dokumen dan maklumat yang boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

(2) Permohonan hendaklah disertakan bersama fi yang telah ditetapkan.

### **Keputusan**

**22.** Majlis boleh meluluskan atau menolak apa-apa permohonan selepas mengambil kira semua dokumen, maklumat dan fi.

### **Kuasa untuk mengenakan syarat**

**23.** (1) Tertakluk kepada Enakmen ini, Majlis boleh menyertakan bersama lesen yang dikeluarkan di bawah Bahagian ini syarat sebagaimana yang difikirkannya patut, dan khususnya, apa-apa syarat yang pada pendapatnya adalah wajar untuk kepentingan awam, dan untuk kepentingan keselamatan dan perlindungan kawasan pesisir pantai.

(2) Majlis boleh, pada bila-bila masa menurut budi bicaranya, menambah, membatal atau mengubah apa-apa syarat yang disertakan bersama lesen di bawah seksyen ini dengan syarat apa-apa penambahan, pembatalan atau perubahan hendaklah berada dalam objektif dan garis panduan yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

### **Tempoh lesen**

**24.** Lesen yang dikeluarkan di bawah Enakmen ini hendaklah sah untuk suatu jangka masa yang ditentukan oleh Majlis dan tidak boleh dipindahkan atau diserahhakkan dan boleh diperbaharui.

### **Daftar lesen**

**25.** (1) Orang diberi kuasa hendaklah menyimpan daftar lesen yang dikeluarkan.

(2) Daftar itu hendaklah mengandungi salinan lesen termasuklah syarat-syarat yang dilampirkan padanya.

**Obligasi pemegang lesen**

**26.** (1) Tiap-tiap pemegang lesen hendaklah mematuhi terma dan syarat lesen dan apa-apa syarat yang ditetapkan di bawah Enakmen ini.

(2) Orang diberi kuasa boleh menghendaki pemegang lesen, atau jika pemegang lesen adalah sebuah badan korporat, pengarah atau pengurus bagi pemegang lesen itu, memperakui dalam laporan yang difailkan dengan orang diberi kuasa bahawa—

- (a) pemegang lesen mematuhi syarat-syarat dalam lesen dan peruntukan Enakmen ini dan bahawa sepanjang pengetahuan dan kepercayaan pemegang lesen, atau dalam hal badan korporat, pengarah atau pengurusnya, laporan itu tidak mengandungi apa-apa pernyataan yang tidak benar mengenai fakta material atau apa-apa peninggalan yang boleh menyebabkan mana-mana bahagian laporan itu mengelirukan; dan
- (b) terdapat kawalan dalaman yang mencukupi diwujudkan yang mana pemegang lesen, atau dalam hal badan korporat, pengarah atau pengurus adalah bertanggungjawab untuk memastikan bahawa semua maklumat material berhubung dengan pematuhan syarat-syarat lesen atau peruntukan Enakmen ini oleh pemegang lesen dimaklumkan kepada pengarah atau pengurus yang memperakui laporan itu.

**Pengantungan dan pembatalan lesen**

**27.** (1) Jika ternyata kepada Majlis seseorang pemegang lesen—

- (a) melanggar mana-mana terma atau syarat lesen yang dikeluarkan di bawah Enakmen ini atau undang-undang bertulis yang lain;
- (b) telah membuat suatu pernyataan palsu atau mengelirukan dalam permohonannya untuk mendapatkan lesen;
- (c) telah gagal untuk mematuhi apa-apa peruntukan Enakmen ini atau apa-apa peraturan-peraturan atau pemberitahuan yang dibuat di bawah Enakmen ini;

- (d) ingkar untuk membayar apa-apa bayaran atau belum membayar fi atau caj yang dikenakan mengenai lesen kepada orang diberi kuasa;
- (e) tidak mampu membayar hutangnya atau menangguh bayaran kepada atau membuat apa-apa perkiraan atau penyusunan dengan pemutangnya yang pada pendapat orang diberi kuasa operasi pemegang lesen adalah dimudaratkan, atau fakta-fakta atau hal keadaan wujud yang pada pendapat orang diberi kuasa berkemungkinan akan menjurus kepada kejadian tersebut;
- (f) tanpa apa-apa penjelasan yang munasabah, tidak menggunakan lesen sepanjang tempoh lesen diluluskan; atau
- (g) menggunakan lesen untuk apa-apa aktiviti yang tidak sah atau bertentangan dengan kepentingan awam;

Majlis boleh mengarahkan orang diberi kuasa untuk memberikan notis bertulis kepada pemegang lesen yang menghendaki pemegang lesen supaya memulihkan atau membetulkan pelanggaran atau keingkaran yang dinyatakan dalam notis itu dalam tempoh masa yang dinyatakan dalam notis.

(2) Jika, apabila tamat tempoh yang dinyatakan dalam notis itu pemegang lesen tidak memulihkan atau membetulkan pelanggaran atau keingkaran yang dihendaki oleh notis itu, Majlis boleh—

- (a) menggantung lesen itu; atau
- (b) membatalkan lesen itu.

## **Rayuan**

**28.** Mana-mana orang yang terkilan dengan keputusan yang dibuat di bawah subseksyen 27(2) boleh mengemukakan rayuan kepada Pihak Berkuasa Negeri mengikut tatacara yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

**Sekatan lesen bagi maksud tertentu**

**29.** (1) Pemegang lesen tidak boleh menjalankan apa-apa aktiviti atau perkhidmatan selain yang dinyatakan di dalam lesen tersebut.

(2) Walau apa pun yang terkandung dalam subsekyen (1), tiada apa pun dalam Enakmen ini yang melarang pemegang lesen daripada memohon lesen untuk menjalankan atau menyediakan apa-apa aktiviti atau perkhidmatan di bawah seksyen 19 dan 20 Enakmen ini.

**Kuasa untuk mengecualikan daripada keperluan lesen**

**30.** (1) Pihak Berkuasa Negeri boleh, atas cadangan Majlis, mengecualikan mana-mana orang daripada keperluan untuk lesen.

(2) Mana-mana pengecualian yang diberi di bawah seksyen ini boleh ditarik balik pada bila-bila masa oleh Pihak Berkuasa Negeri.

**BAHAGIAN V**

**FI, CAJ, LEVI DAN BAYARAN LAIN**

**Penetapan fi, caj, levi dan bayaran lain**

**31.** Pihak Berkuasa Negeri boleh menetapkan fi, caj, levi dan bayaran lain yang berkaitan atau berhubungan dengan—

- (a) pembangunan dan pemeliharaan kawasan pesisir pantai; dan
- (b) aktiviti dan perkhidmatan yang dilesenkan di bawah seksyen 19 dan 20.

**Kutipan fi, caj, levi dan bayaran lain**

**32.** Fi, caj, levi dan apa-apa bayaran lain yang diterima di bawah Enakmen ini hendaklah dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan.

**Mendapatkan semula fi, caj, levi dan bayaran lain**

**33.** Fi, caj, levi dan bayaran lain yang dikenakan di bawah Enakmen ini boleh didapatkan semula sebagai suatu hutang yang terhutang kepada Kerajaan Negeri daripada orang yang ke atasnya fi, caj, levi dan bayaran lain dikenakan.

**BAHAGIAN VI****AM****Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan**

**34.** (1) Pihak Berkuasa Negeri, setelah mendapat nasihat daripada Majlis, hendaklah mempunyai kuasa untuk membuat peraturan-peraturan sebagaimana yang perlu atau suai manfaat untuk pelaksanaan yang lebih baik bagi Enakmen ini atau untuk menetapkan apa-apa yang mungkin, atau perlu, ditetapkan di bawah Enakmen ini.

(2) Tanpa menyentuh keluasan subseksyen (1), peraturan-peraturan boleh dibuat untuk—

- (a) pembangunan di kawasan pesisir pantai;
- (b) pelindungan kawasan pesisir pantai;
- (c) menetapkan fi, caj, levi dan bayaran lain;
- (d) menetapkan semua perkara yang berkaitan dengan pengeluaran lesen, fi, dan caj lain termasuklah masa, tatacara dan cara bayaran, faedah yang akan dicaj kerana kelewatan atau tidak membayar, dan tatacara mendapatkan kembali fi atau caj, syarat am lesen, bentuk lesen, fi pembaharuan dan caj proses yang lain;
- (e) kesalahan yang boleh dikompaun;
- (f) pelepasan air buangan di kawasan pesisir pantai;

- (g) aktiviti yang melibatkan kerja tanah di kawasan pesisir pantai;
- (h) pengurusan dan penyimpanan air ribut di kawasan pesisir pantai;
- (i) kawalan hasil larut resap daripada tapak pelupusan sisa di kawasan pesisir pantai;
- (j) aktiviti di kawasan pesisir pantai, termasuk jenis, had laju dan drauf vesel; dan
- (k) aktiviti rekreasi di kawasan pesisir pantai.

**Penalti dalam hal kesalahan berterusan**

**35.** Mana-mana orang yang disabitkan dengan suatu kesalahan di bawah Enakmen ini boleh, dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, dikenakan, sebagai tambahan kepada apa-apa penalti lain yang dia bertanggungan di bawah Enakmen ini berkenaan dengan kesalahan itu, denda harian yang tidak melebihi sepuluh ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

**Pengkompaunan kesalahan**

**36.** (1) Pihak Berkuasa Negeri boleh menetapkan mana-mana kesalahan di bawah Enakmen ini sebagai kesalahan yang boleh dikompaun.

(2) Orang yang diberi kuasa boleh, dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya, mengkompaun apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh mana-mana orang di bawah Enakmen ini yang ditetapkan sebagai suatu kesalahan yang boleh dikompaun dengan membuat suatu tawaran bertulis kepada orang yang disyaki melakukan kesalahan itu untuk mengkompaun kesalahan itu dengan membayar kepada Kerajaan Negeri suatu amaun wang yang tidak melebihi lima puluh peratus daripada denda maksimum bagi kesalahan itu dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran itu.

(3) Suatu tawaran di bawah subseksyen (1) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan, tetapi sebelum apa-apa pendakwaan ke atasnya dimulakan, dan jika amaun yang dinyatakan dalam tawaran itu tidak dibayar dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran itu atau dalam apa-apa tempoh yang dilanjutkan sebagaimana yang diberikan oleh orang yang diberi kuasa, pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran itu dibuat.

(4) Jika sesuatu kesalahan telah dikompaun di bawah subseksyen (2), tiada pendakwaan boleh dimulakan selepas itu berkenaan dengan kesalahan itu terhadap orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun itu dibuat.

(5) Semua jumlah wang yang diterima di bawah subseksyen (2) hendaklah dibayar ke dalam Kumpulan Wang Disatukan.

### **Peruntukan Enakmen adalah mengatasi**

**37.** Peruntukan Enakmen ini hendaklah berkuat kuasa walau apa pun yang diperuntukkan dalam mana-mana undang-undang bertulis Negeri yang lain berkenaan pembangunan, aktiviti dan perkhidmatan di kawasan pesisir pantai.

Bertarikh 25 Mac 2016  
[UPEN PK 1/1/28/1; PU.PK. 6/2015]

DATO' ROHANA ABD MALEK  
*Penasihat Undang-Undang Negeri  
Perak Darul Ridzuan*



# **LAWS OF THE STATE OF PERAK**

**ENACTMENT 10**

**PERAK COASTAL MANAGEMENT  
ENACTMENT 2016**

Date of Royal Assent ... ... ... 15 June 2016

Date of publication in the *Gazette* ... ... 23 June 2016

# **PERAK COASTAL MANAGEMENT ENACTMENT 2016**

---

## **ARRANGEMENT OF SECTIONS**

---

### **PART I**

#### **PRELIMINARY**

##### **Section**

1. Short title and commencement
2. Interpretation

### **PART II**

#### **ESTABLISHMENT OF COASTAL MANAGEMENT COUNCIL**

3. Coastal Management Council
4. Functions of the Council
5. Powers of the Council
6. Delegation of powers or functions of State Authority
7. Membership of the Council
8. Tenure of office
9. Allowances
10. Revocation and resignation of office
11. Vacation of office
12. Meetings and procedures of the Council
13. Disclosure of interest
14. Obligation of secrecy
15. Public Servants

### **PART III**

#### **COORDINATION, MANAGEMENT AND DEVELOPMENT OF COASTAL AREAS**

16. Council to prepare coordination, management and development

## Section

17. Coordination, management and development plan
18. Implementation of coordination, management and development plan by Government Entities

## PART IV

### LICENSING

19. Activities to be licensed
20. Services to be licensed
21. Application for licence
22. Decision
23. Power to impose conditions
24. Duration of licence
25. Register of licence
26. Obligations of licensees
27. Revocation and suspension of licence
28. Appeal
29. Restriction of licence for specified purposes
30. Power to exempt from requirement for licence

## PART V

### FEES, CHARGES, LEVIES AND OTHER PAYMENT

31. Prescription of fees, charges, levies and other payment
32. Collection of fees, charges, levies and other payment
33. Recovery of fees, charges, levies and other payment

## PART VI

### GENERAL

#### Section

34. Power to make regulations
35. Penalty in the case of a continuing offence
36. Compounding of offences
37. Provisions of this Enactment to prevail



**LAWS OF THE STATE OF PERAK****ENACTMENT 10****PERAK COASTAL MANAGEMENT ENACTMENT 2016**

I ASSENT,

SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH,  
*Sultan of Perak*

15 June 2016

An Enactment to coordinate the development and management of activities and services in coastal areas in the State of Perak and matters connected therewith.

[ ]

**ENACTED** by the Legislature of the State of Perak Darul Ridzuan as follows:

PART I  
PRELIMINARY

**Short title and commencement**

**1.** (1) This Enactment may be cited as the Perak Coastal Management Enactment 2016.

(2) This Enactment comes into operation on a date to be appointed by the State Authority by notification in the *Gazette*.

**Interpretation**

**2.** In this Enactment, unless the context otherwise requires—

“activities” means any activity in the coastal areas specified in section 19;

“prescribed” means prescribed by regulations under this Enactment;

“Government Entities” means any department, office, agency, authority, commission, committee, board, council or other body, corporate or unincorporated, of the Federal Government, State Government or local government, whether established under any written law or otherwise and where the context requires, shall include an authorised person;

“coastal areas” means areas including any part of the sea contiguous to the coast thereof not exceeding three nautical miles measured from the low-water line and areas bordering five kilometres inland from the line of mean high water spring including rivers and water reserves up to areas of salt water;

“State Government” means the Government of the State of Perak;

“Consolidated Fund” means the Consolidated Fund of the State;

“licence” means a licence issued under this Enactment;

“Council” means the Coastal Management Council established under section 3;

“State” means the State of Perak;

“person” includes a body of persons, whether it is corporated or unincorporated;

“authorised person” means any officer of the State Government, any department, office, agency, authority, commission, committee, board, council or other body, corporate or unincorporated, whether established under any written law or otherwise who is authorised in writing by the Council to manage, administer or to do any act authorised by this Enactment;

“licensee” means a person licensed under this Enactment;

“services” means any service undertaken in the coastal areas specified in section 20;

“husbandry services” includes the provision of fresh water supply, fuel and lubricants, and the removal of sewage and waste;

“State Authority” means the State Executive Council of Perak Darul Ridzuan; and

“coordination, management and development plan” means a comprehensive coordination, management and development plan prepared under section 16.

## PART II

### ESTABLISHMENT OF COASTAL MANAGEMENT COUNCIL

#### **Coastal Management Council**

**3.** The State Authority shall establish a council by the name of “Coastal Management Council” to advise and certify to the State Authority on matters relating to the coastal areas in the State, perform its functions and exercise its powers under this Enactment.

#### **Functions of the Council**

**4.** The Council shall have the following functions:

- (a) to advise and formulate policies and strategic measures on the development and preservation of coastal areas;
- (b) to monitor and coordinate the implementation of policies and strategic measures on the development and preservation of coastal areas;
- (c) to regulate activities and services conducted in coastal areas;
- (d) to promote the conservation and protection of coastal areas;
- (e) to protect the interest of the State in respect of coastal areas; and
- (f) to perform any other functions as conferred upon the Council under this Enactment.

**Powers of the Council**

5. The Council shall have the power to do all necessary things or expedient for or in connection with the performance of its functions including the power to—

- (a) control and coordinate Government Entities on operations concerning coastal areas;
- (b) issue directives to any Government Entity on matters concerning coastal areas;
- (c) appoint on terms that it deems fit, the authorised person to manage, administer or to do any act required to be transacted or done in the execution of its functions or for the better carrying into effect the purposes of this Enactment;
- (d) require the furnishing of information by any person to assist the Council in the performance of its functions; and
- (e) appoint advisors including experts and other persons as it may deem proper for the purpose of performing its functions.

**Delegation of powers or functions by the State Authority**

6. The State Authority may, by notification in the *Gazette*, delegate to the Council the exercise or performance, subject to such conditions, limitations or restrictions as may be prescribed in the notification, of any of its powers or functions under this Enactment, provided that—

- (a) this section shall not apply to any powers or functions of the State Authority under this Enactment to make regulations; and
- (b) any notification given under this section with respect to any powers or functions shall not prevent the State

Authority from exercising or performing such delegated powers or functions in any case where it appears to the State Authority expedient to do so.

### **Membership of the Council**

**7. (1)** The Council shall consist of the following members:

- (a) Menteri Besar as the Chairman or any person nominated by him;
- (b) State Secretary as the Deputy Chairman;
- (c) State Legal Adviser;
- (d) State Finance Officer;
- (e) two members of the State Executive Council appointed by the State Authority; and
- (f) up to five other members to be appointed by the Menteri Besar.

**(2)** The members appointed under paragraph (1)(f) shall be fit and proper persons from amongst persons who, in the opinion of the Menteri Besar, have standing and experience for the purposes of this Enactment.

**(3)** In determining whether a person is a fit and proper person for the purposes of subsection (2), the Menteri Besar shall have regard to—

- (a) the probity, competence and soundness of judgment of the person fulfilling his responsibilities as a member of the Council; and
- (b) the diligence with which the person is likely to fulfil his responsibilities as a member of the Council.

**(4)** The Chairman shall appoint a secretariat to the Council.

**Tenure of office**

**8.** Subject to such conditions as may be specified in his instrument of appointment, a member of the Council appointed under paragraph 7(1)(f) shall, unless he sooner resigns or vacates his office or his appointment is sooner revoked, hold office for a term not exceeding one year and is eligible for reappointment subject to discretion of the Menteri Besar.

**Allowances**

**9.** The members of the Council shall be paid such allowances as the Menteri Besar may determine.

**Revocation and resignation of office**

**10.** (1) The Menteri Besar may, at any time, revoke the appointment of any member of the Council appointed under paragraph 7(1)(f).

(2) Any member of the Council appointed under paragraph 7(1)(f) may, at any time, resign his office by giving a one month written notice to the Menteri Besar.

**Vacation of office**

**11.** (1) The office of a member of the Council appointed under paragraph 7(1)(f) shall be vacated if—

(a) he dies;

(b) there has been proved against him, or he has been convicted on, a charge in respect of—

(i) an offence involving fraud, dishonesty or moral turpitude;

(ii) an offence under any law relating to corruption or under this Enactment; or

- (iii) any other offence punishable with imprisonment for more than two years;
- (c) he becomes a bankrupt;
- (d) he is of unsound mind or is otherwise incapable of discharging his duties;
- (e) he absents himself from three consecutive meetings of the Council without leave of the Chairman;
- (f) his resignation is accepted by the Menteri Besar; or
- (g) his appointment is revoked by the Menteri Besar.

(2) The vacancy caused by subsection (1) shall be filled with a fresh appointment made in the same manner as that in which the member, whose place it is intended to fill thereby, was appointed.

### **Meetings and procedures of the Council**

**12.** (1) The Chairman shall preside at all meetings of the Council.

(2) If the Chairman is absent from any meeting of the Council, he may appoint the Deputy Chairman or, in the absence of the Deputy Chairman, a member of the Council, to replace him as the chairman of the meeting.

(3) The Council may determine its own procedure.

### **Disclosure of interest**

**13.** (1) A member of the Council having, directly or indirectly, any interest in relation to any matter under discussion by the Council shall disclose to the Council, the fact and nature of his interest.

(2) A disclosure under subsection (1) shall be recorded in the minutes of the meetings of the Council.

### **Obligation of secrecy**

**14.** Except for any of the purposes of this Enactment or for the purposes of any civil or criminal proceedings under any written law, no member of the Council shall disclose any information which has been obtained by him in the performance of his duties as a member of the Council.

### **Public servants**

**15.** The members of the Council while discharging their duties as such members shall be deemed to be public servants within the meaning of the Penal Code [Act 574] and be entitled to immunity as long as he or she has acted in good faith.

## PART III

### COORDINATION, MANAGEMENT AND DEVELOPMENT OF COASTAL AREAS

#### **Council to prepare coordination, management and development plan**

**16.** The Council in the performance of its functions under subsection 4(a), may prepare a coordination, management and development plan for the coastal areas of the State.

#### **Coordination, management and development plan**

**17. (1)** The coordination, management and development plan shall include—

- (a) a statement of the objectives of the plan;
- (b) a reference to other policies and plans that have an impact in coastal areas;
- (c) the activities that significantly influence the development of coastal areas;
- (d) strategies and measures for the protection, conservation, development and use of coastal areas;

(e) indicators for the achievement of the objectives and the implementation of the measures; and

(f) any other matters which the Council may include.

(2) The coordination, management and development plan shall be published in any form that the Council may deem fit and shall be made available to the Government Entities.

(3) The coordination, management and development plan may be amended from time to time by the Council.

### **Implementation of coordination, management and development plan by Government Entities**

**18.** It shall be the duty of the Government Entities to take cognisance of, and act in a manner consistent with the contents of the coordination, management and development plan—

(a) in the performance of the functions and duties of the Government Entities, and in the exercise of the powers of the Government Entities within the coastal areas; and

(b) in relation to the putting up and the approving of any proposal for or in carrying out of, any development or other activities within the coastal areas.

## PART IV

### LICENSING

#### **Activities to be licensed**

**19. (1)** No person shall carry out in the coastal areas, any of the following commercial activities relating to—

(a) aquaculture;

(b) tourism including water sports;

(c) mining;

- (d) erection or operation of any quay, wharf, dock and pier in coastal areas;
- (e) berthing of any vessel, boat and other modes of water transportation harbouring within coastal areas;
- (f) any mode of transportation of goods or passenger within coastal areas; or
- (g) any other activities that may be determined by the State Authority;

unless such person is licensed under this Enactment.

(2) Any person who contravenes subsection (1) or who is in breach of any condition or restriction imposed in relation to any such licence shall be guilty of an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding two hundred and fifty thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding three years, or to both.

### **Services to be licensed**

**20.** (1) No person shall provide in the coastal areas, any of the following services:

- (a) maintaining, repairing and overhauling of any vessel, boat and other modes of water transportation;
- (b) operating private jetties or terminals;
- (c) discharging or loading any cargo or passenger from or onto a vessel at any approved privately operated wharf;
- (d) providing husbandry services to vessels; or
- (e) any other services that may be determined by the State Authority;

unless such person is licensed under this Enactment.

(2) Any person who contravenes subsection (1) or who is in breach of any condition or restriction imposed in relation to any such licence shall be guilty of an offence and shall, on conviction,

be liable to a fine not exceeding two hundred and fifty thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding three years, or to both.

### **Application for licence**

**21.** (1) An application for a licence under this Enactment shall be made to the authorised person in the form and manner together with such documents and information as may be prescribed by the State Authority.

(2) The application shall be accompanied by the prescribed fees.

### **Decision**

**22.** The Council may approve or reject any applications after taking into account all documents, information and fees.

### **Power to impose conditions**

**23.** (1) Subject to this Enactment, the Council may attach to a licence issued under this Part such conditions as it may think fit, and in particular, any condition which it considers desirable for public interest, and in the interest of safety and protection of the coastal areas.

(2) The Council may, at any time in its discretion, add, cancel or vary any of the conditions attached to a licence under this section provided that any addition, cancellation or variation is within the objectives and guidelines issued by the State Authority.

### **Duration of licence**

**24.** A licence issued under this Enactment shall be valid for a period that is determined by the Council and shall not be transferred or assigned and can be renewed.

### **Register of licence**

**25.** (1) The authorised person shall keep a register of licences issued.

(2) The register shall contain copies of the licences including conditions attached thereto.

### **Obligations of licensees**

**26.** (1) Every licensee shall comply with the terms and conditions of the licence and any conditions prescribed under this Enactment.

(2) The authorised person may require the licensee, or where the licensee is a body corporate, the director or manager of such licensee, to certify in a report filed with the authorised person that—

- (a) the licensee is in compliance with the conditions in the licence and the provisions of this Enactment and that to the best of the licensee's, or in the case of a body corporate, the director's or manager's knowledge and belief, that the report does not contain any untrue statement of a material fact or any omission which would render any part of the report misleading; and
- (b) there are sufficient internal controls established for which the licensee, or in the case of a body corporate, the director or manager is responsible to ensure that all material information in relation to compliance by the licensee with the licence conditions or the provisions of this Enactment is made known to the director or manager certifying the report.

### **Suspension and revocation of licence**

**27.** (1) Where it appears to the Council that a licensee—

- (a) is in breach of any of the terms or conditions of the licence issued under this Enactment or under any other written law;

- (b) has made a false or misleading statement in his application for a licence;
- (c) has failed to comply with any of the provisions of this Enactment or any regulations or notifications made under this Enactment;
- (d) is in default of any payment or has not paid a fee or charge imposed with respect to the licence due to the authorised person;
- (e) is unable to pay its debts or postpones payment to or enters into a composition or arrangement with its creditors such that in the opinion of the authorised person the licensee's operations are prejudiced, or facts or circumstances exist which in the opinion of the authorised person are likely to lead to such event;
- (f) without any reasonable explanation, has not used the licence within the period of the licence granted; or
- (g) is using a licence for any activity that is unlawful or contrary to public interest;

the Council may direct the authorised person to give notice in writing to the licensee requiring the licensee to remedy or rectify the breach or default mentioned in the notice within the period specified in the notice.

(2) If, at the end of the period specified in the notice the licensee fails to remedy or rectify the breach or default as required by the notice, the Council may—

- (a) suspend the licence; or
- (b) revoke the licence.

**Appeal**

**28.** Any person aggrieved by the decision made under subsection 27(2) may appeal to the State Authority following procedures that are prescribed by the State Authority.

**Restriction of licence for specified purposes**

**29.** (1) A licensee shall not conduct any other activities or services than those specified in his licence.

(2) Notwithstanding subsection (1), nothing in this Enactment shall prohibit a licensee from applying for a licence to carry out or provide any other activities or services under section 19 and 20 of this Enactment.

**Power to exempt from requirement for licence**

**30.** (1) The State Authority may, upon the recommendation of the Council, exempt any person from the requirements for a licence.

(2) Any exemption granted under this section may be withdrawn at any time by the State Authority.

**PART V****FEES, CHARGES, LEVIES AND OTHER PAYMENT****Prescription of fees, charges, levies and other payment**

**31.** The State Authority may prescribe fees, charges, levies and other payment in connection or relating to—

(a) development and preservation of coastal areas; and

(b) activities and services licensed under section 19 and 20.

**Collection of fees, charges, levies and other payment**

**32.** Fees, charges, levies and any other payment received under this Enactment shall be deposited into the Consolidated Fund.

**Recovery of fees, charges, levies and other payment**

**33.** Fees, charges, levies and other payment imposed under this Enactment shall be recoverable as a debt owing to the State Government from the person on whom such fees, charges, levies and other payment are imposed.

**PART VI****GENERAL****Power to make regulations**

**34.** (1) The State Authority, upon receiving advice from the Council, shall have the power to make regulations as are necessary or expedient for the better carrying out of the provisions of this Enactment or for prescribing anything that may be, or is required to be, prescribed under this Enactment.

(2) Without prejudice to the generality of subsection (1), regulations may be made for—

- (a) the development in the coastal areas;
- (b) the protection of coastal areas;
- (c) prescribing fees, charges, levies and other payment;
- (d) prescribing all matters relating to the issuance of licences, fees, and other charges including the time, method and manner of payment, the interest to be charged for delayed or non-payment, and the method of recovery of fees or charges, the general conditions of the licences, the form of licences, renewal fees and other processing charges;

- (e) offences to be compounded;
- (f) discharge of wastewater in coastal areas;
- (g) activities involving earthworks in coastal areas;
- (h) management and storage of storm water in coastal areas;
- (i) control of leachate from waste disposal sites in coastal areas;
- (j) activities in coastal areas, including type, speed and draughts of vessels; and
- (k) recreational activities in coastal areas.

#### **Penalty in the case of a continuing offence**

**35.** Any person convicted of an offence under this Enactment shall, in the case of a continuing offence, be liable, in addition to any other penalty to which he is liable under this Enactment in respect of such offence, to a daily fine not exceeding ten thousand ringgit for each day the offence continues after conviction.

#### **Compounding of offences**

**36.** (1) The State Authority may prescribe any offence under this Enactment as an offence which may be compounded.

(2) The authorised person may, with the written consent of the Public Prosecutor, compound any offence committed by any person under this Enactment which is prescribed as a compoundable offence by making a written offer to the person suspected of committing the offence to compound the offence on payment to the State Government of a monetary amount not exceeding fifty percent of the maximum fine of the said offence within such time as may be specified in the offer.

(3) An offer under subsection (1) may be made at any time after the offence has been committed, but before any prosecution for it has been instituted, and if the amount specified in the offer is not paid within the time specified in the offer or within any extended period as the authorised person may grant, prosecution for the offence may be instituted at any time thereafter against the person to whom the offer was made.

(4) When an offence has been compounded under subsection (2), no prosecution shall be instituted after that in respect of such offence against the person to whom the offer to compound was made.

(5) All sums of money accepted under subsection (2) shall be paid into the Consolidated Fund.

#### **Provisions of this Enactment to prevail**

**37.** The provisions of this Enactment shall have effect notwithstanding anything contained in any other written law of the State regarding the development, activities and services in coastal areas.

Dated 25 March 2016  
[UPEN PK 1/1/28/1; PU.PK. 6/2015]

DATO' ROHANA ABD MALEK  
*State Legal Adviser*  
*Perak Darul Ridzuan*





# **UNDANG-UNDANG NEGERI PERAK**

**ENAKMEN 11**

**ENAKMEN LEMBAGA PERUMAHAN  
DAN HARTANAH PERAK 2016**

Tarikh Perkenan Diraja ... ... ... 15 Jun 2016

Tarikh penyiaran dalam *Warta* ... ... 23 Jun 2016

**ENAKMEN LEMBAGA PERUMAHAN  
DAN HARTANAH PERAK 2016**

---

**SUSUNAN SEKSYEN**

---

**BAHAGIAN I**

**PERMULAAN**

**Seksyen**

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

**BAHAGIAN II**

**LEMBAGA**

3. Penubuhan Lembaga
4. Peletakhakan
5. Meterai Lembaga
6. Keanggotaan Lembaga
7. Pengosongan jawatan
8. Penzahiran kepentingan
9. Kesahan perbuatan dan prosiding
10. Mesyuarat
11. Lembaga boleh mengundang orang lain bagi menghadiri mesyuarat
12. Lembaga boleh menubuhkan jawatankuasa
13. Minit
14. Arahan oleh Pihak Berkuasa Negeri dan Menteri
15. Maklumat kepada Pihak Berkuasa Negeri
16. Pembentangan projek kepada Pihak Berkuasa Negeri

**BAHAGIAN III**  
**FUNGSI DAN KUASA LEMBAGA**

Seksyen

17. Fungsi Lembaga
18. Kuasa Lembaga
19. Pewakilan fungsi dan kuasa Lembaga
20. Kuasa untuk menubuhkan perbadanan

**BAHAGIAN IV**  
**PEKERJA LEMBAGA**

21. Ketua Pegawai Eksekutif
22. Penjalanan sementara fungsi Ketua Pegawai Eksekutif
23. Mengambil kerja pekerja kerajaan
24. Gaji, terma dan syarat perkhidmatan pekerja kerajaan hendaklah diambil kira
25. Penerusan dan penyelesaian prosiding tatatertib
26. Pelantikan pekerja lain
27. Peraturan berkenaan dengan penggajian
28. Tatatertib dan surc妖
29. Kuasa untuk mengambil kerja ejen
30. Lembaga boleh menerima pakai peraturan *dsb.*

**BAHAGIAN V**  
**KEWANGAN**

31. Kumpulan Wang
32. Pemberian
33. Kuasa untuk meminjam
34. Kewangan
35. Pinjaman dan biasiswa

## Seksyen

36. Kuasa pemberian bantuan kewangan, pelaburan *dsb.*
37. Aset yang tidak dibelanjakan
38. Aset tidak boleh dilupuskan tanpa kebenaran
39. Penyimpanan akaun
40. Tahun kewangan dan akaun beraudit
41. Siasatan terhadap akaun
42. Laporan tahunan

## BAHAGIAN VI

### PEMAJUAN PERUMAHAN DAN HARTANAH

43. Tanggungjawab untuk pemajuan perumahan dan hartanah
44. Pemberian maklumat
45. Pendaftaran orang yang menjalankan pemajuan perumahan dan hartanah
46. Lembaga boleh mengusir dan mengambil pemilikan kosong
47. Pengambilan balik tanah

## BAHAGIAN VII

### PERUMAHAN AWAM

48. Kecualian bagi perundangan lain *dsb.*
49. Harga jualan
50. Kelayakan pembeli
51. Keputusan
52. Daftar pembeli
53. Pengecualian bayaran

**BAHAGIAN VIII**  
**PENGUATKUASAAN DAN PENYIASATAN**

Seksyen

54. Pelantikan, kuasa, fungsi dan tugas Pegawai Penguatuasa
55. Kad kuasa
56. Kuasa untuk memasuki dan memeriksa
57. Halangan daripada melaksanakan tugas

**BAHAGIAN IX**  
**AM**

58. Rayuan
59. Lembaga disifatkan sebagai Melayu
60. Pekhidmat awam
61. Pemakaian Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948  
[*Akta 198*]
62. Perlindungan terhadap tindakan guaman dan prosiding undang-undang
63. Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan
64. Kesalahan dan penalti am
65. Kesalahan oleh pertubuhan perbadanan
66. Pendakwaan
67. Pengkompaunan kesalahan
68. Salah menggunakan maklumat
69. Obligasi kerahsiaan
70. Penyampaian
71. Penggulungan dan pembubaran

JADUAL

## UNDANG-UNDANG NEGERI PERAK

### ENAKMEN 11

#### ENAKMEN LEMBAGA PERUMAHAN DAN HARTANAH PERAK 2016

BETA PERKENANKAN,

SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH,  
*Sultan Perak*

15 Jun 2016

Suatu Enakmen untuk mengadakan peruntukan bagi menubuhkan Lembaga Perumahan dan Hartanah Perak yang bertujuan untuk mengawal selia, menggalak, menyelaras, memudah cara dan melaksanakan pemajuan perumahan dan harta tanah di Negeri Perak dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

[ ]

**DIPERBUAT** oleh Badan Perundangan Negeri Perak Darul Ridzuan seperti berikut:

#### BAHAGIAN I

#### PERMULAAN

#### **Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

**1. (1)** Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Lembaga Perumahan dan Hartanah Perak 2016.

(2) Enakmen ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

**Tafsiran**

**2.** (1) Dalam Enakmen ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“agensi Kerajaan” ertinya mana-mana kementerian, jabatan, pejabat, agensi, pihak berkuasa, suruhanjaya, jawatankuasa, lembaga, majlis atau badan lain, yang diperbadankan atau tidak diperbadankan, bagi Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau kerajaan tempatan, sama ada ditubuhkan di bawah undang-undang bertulis atau selainnya;

“Dewan Negeri” ertinya Dewan Perhimpunan Undangan bagi Negeri Perak;

“hartanah” ertinya mana-mana tanah yang di atasnya akan, sedang atau telah didirikan sama ada siap atau tidak, apa-apa bangunan aktiviti komersial untuk membantu dan menyokong pemajuan perumahan;

“jawatankuasa” ertinya mana-mana jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Lembaga di bawah seksyen 12;

“Kerajaan Negeri” ertinya Kerajaan Negeri Perak;

“Ketua Audit Negara” ertinya Ketua Audit Negara Malaysia;

“Ketua Pegawai Eksekutif” ertinya Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga yang dilantik di bawah seksyen 21;

“Kumpulan Wang” ertinya Kumpulan Wang Lembaga Perumahan dan Hartanah Perak yang ditubuhkan di bawah seksyen 31;

“Lembaga” ertinya Lembaga Perumahan dan Hartanah Perak yang ditubuhkan di bawah seksyen 3;

“Menteri” ertinya Perdana Menteri atau mana-mana Menteri sebagaimana yang dinamakan oleh Perdana Menteri;

“Menteri Besar” ertinya Menteri Besar Perak;

“Negeri” ertinya Negeri Perak;

“Pegawai Penguatkuasa” ertinya Pegawai Penguatkuasa yang dilantik di bawah seksyen 54;

“pemaju hartanah” ertinya mana-mana orang, kumpulan orang, syarikat, firma atau pertubuhan (dengan apa jua nama yang diperihalkan), yang mengerjakan atau menjalankan atau mengusahakan atau menyebabkan supaya diusahakan pemajuan hartanah di dalam Negeri;

“pemaju perumahan” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya dalam Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [*Akta 118*];

“pemajuan hartanah” ertinya—

- (i) memajukan atau membina atau menyebabkan dibina dengan apa-apa cara harta tanah dan termasuklah pengutipan wang atau perjalanan apa-apa pengendalian bangunan bagi maksud mendirikan harta tanah dalam, pada, atas atau di bawah mana-mana tanah; atau
- (ii) penjualan harta tanah oleh pemunya tanah atau penamanya dengan tujuan memajukan harta tanah oleh pemunya tanah tersebut atau penamanya untuk membantu dan menyokong pemajuan perumahan;

“pemajuan perumahan” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya dalam Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [*Akta 118*];

“Pengerusi” ertinya Pengerusi yang dilantik di bawah seksyen 6 dan termasuklah Timbalan Pengerusi serta mana-mana Pengerusi sementara semasa menjalankan tugas-tugas sebagai Pengerusi;

“penghuni yang dibenarkan” ertinya—

- (i) orang yang namanya dinyatakan dalam permohonan yang dikemukakan kepada Lembaga sebagai orang yang ingin menduduki rumah, apartmen atau kediaman lain itu telah disewakan, dijual atau akan dijual oleh Lembaga; atau
- (ii) mana-mana orang dibenarkan secara bertulis oleh Lembaga untuk menduduki rumah, apartmen atau kediaman lain itu;

“perumahan” termasuklah mana-mana bangunan, tenemen atau mesuaj yang keseluruhannya atau sebahagian utamanya yang sama ada siap dibina atau tidak, disesuaikan atau diniatkan bagi—

- (i) kediaman manusia;
- (ii) sebahagiannya bagi kediaman manusia dan sebahagiannya bagi premis perniagaan; atau
- (iii) lain-lain jenis perumahan yang ditetapkan sebagai perumahan oleh Pihak Berkuasa Negeri dari semasa ke semasa;

“perumahan awam” ertinya mana-mana pemajuan perumahan, oleh Kerajaan Persekutuan dan Negeri atau agensi Persekutuan dan Negeri untuk golongan berpendapatan rendah dan sederhana seperti yang ditetapkan oleh Lembaga dari semasa ke semasa;

“pihak berkuasa awam” ertinya mana-mana pihak berkuasa yang menjalankan kuasa-kuasa yang terletak hak padanya oleh undang-undang Persekutuan atau Negeri, atau mana-mana orang yang dilantik oleh atau bertindak bagi mana-mana pihak berkuasa itu;

“Pihak Berkuasa Negeri” ertinya Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perak;

“rumah mampu milik” ertinya mana-mana pemajuan perumahan yang dibangunkan oleh pihak swasta untuk golongan berpendapatan rendah dan sederhana seperti yang ditetapkan oleh Lembaga dari semasa ke semasa;

“siap dibina” ertinya telah diisukan dengan perakuan siap dan pematuhan di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [Akta 133] atau mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawah Akta itu; dan

“Timbalan Pengerusi” ertinya Timbalan Pengerusi yang dilantik di bawah seksyen 6.

(2) Dalam Enakmen ini sebutan mengenai apa-apa rumah, apartmen atau kediaman lain hendaklah ditafsirkan sebagai termasuk sebutan mengenai tanah bersama rumah, apartmen atau kediaman lain itu.

## BAHAGIAN II

## LEMBAGA

**Penubuhan Lembaga**

**3.** (1) Suatu pertubuhan perbadanan dengan nama “Lembaga Perumahan dan Hartanah Perak” adalah ditubuhkan.

(2) Lembaga adalah kekal turun-temurun dan mempunyai meterai perbadanan.

(3) Lembaga boleh membawa guaman dan dibawa guaman terhadapnya atas namanya sendiri.

(4) Tertakluk kepada dan bagi maksud Enakmen ini, Lembaga boleh, atas apa-apa terma yang didapatinya patut—

(a) memasuki kontrak;

(b) memperoleh, membeli, mengambil, memegang, menjual dan menikmati apa-apa jenis harta alih atau tak alih; dan

(c) memindahkan, menyerahhukkan, menyerahkan balik, memulangkan, menggadaikan, menggadaijanjikan, mendemiskan, menyerahhukkan semula, memindahkan hakmilik atau dengan apa-apa cara lain melupuskan, atau menjalankan urusan mengenai apa-apa harta alih atau harta tak alih atau apa-apa kepentingan mengenai harta itu yang terletak hak pada Lembaga.

**Peletakhakan**

**4.** (1) Tertakluk kepada Enakmen ini, Pihak Berkuasa Negeri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, menetapkan suatu tarikh peletakhakan dan pada tarikh itu mana-mana harta, hak, kepentingan, obligasi dan liabiliti Kerajaan Negeri yang berkaitan dengan—

(a) Bahagian Perumahan Awam, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak; dan

(b) Unit Perumahan, Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Perak,

hendaklah berpindah kepada dan terletak hak pada Lembaga tanpa apa-apa pemindahhakan, penyerahhakan atau pemindahan hak milik.

(2) Tiap-tiap harta, hak, kepentingan, obligasi dan liabiliti yang dipindahkan kepada dan terletak hak pada Lembaga menurut kuasa subseksyen (1) hendaklah dipindahkan kepada dan terletak hak sedemikian pada Lembaga dengan hakmilik, harta benda atau kepentingan yang serupa dan dengan pemegangan yang serupa sebagaimana harta, hak, kepentingan, obligasi dan liabiliti itu terletak hak atau dipegang sebaik sebelum tarikh peletakhkan itu.

(3) Tiap-tiap hak dalam tindakan, hak, kepentingan, obligasi atau liabiliti yang terletak hak pada Lembaga menurut kuasa subseksyen (1) boleh, pada dan selepas tarikh peletakhkan, dibawa guaman terhadapnya, didapatkan atau dikuatkuasakan oleh Lembaga atas namanya sendiri dan Lembaga atau Kerajaan Negeri tidak perlu memberikan notis—

- (a) kepada orang yang terikat dengan hak dalam tindakan itu; atau
- (b) kepada orang yang hak, kepentingan, obligasi atau liabilitinya tersentuh oleh, peletakhkan yang dibuat di bawah subseksyen (1).

(4) Apa-apa prosiding undang-undang oleh atau terhadap Kerajaan Negeri yang belum selesai yang berkaitan dengan apa-apa harta, hak, kepentingan, obligasi atau liabiliti yang dipindahkan kepada dan terletak hak pada Lembaga menurut kuasa subseksyen (1) boleh, pada dan selepas tarikh peletakhkan, diteruskan oleh atau terhadap Lembaga.

(5) Dalam hal hak, kepentingan, obligasi dan liabiliti yang berbangkit di bawah apa-apa pinjaman yang terletak hak pada Lembaga pada tarikh peletakhkan, Lembaga boleh membuat apa-apa perjanjian atau perkiraan mengenai hak, kepentingan, obligasi dan liabiliti itu dengan Kerajaan Negeri atau mana-mana orang lain.

(6) Jika menurut kuasa subseksyen (1) apa-apa harta dipindahkan kepada dan terletak hak pada Lembaga, peruntukan Bahagian Tiga Puluh, Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*] hendaklah, bagi maksud melaksanakan pendaftaran bagi peletakhkan itu, terpakai bagi Lembaga.

(7) Pada dan selepas tarikh peletakhkan, apa-apa perjanjian, surat ikatan atau perkiraan lain yang berhubungan dengan apa-apa harta, hak, kepentingan, obligasi dan liabiliti yang dipindahkan kepada dan terletak hak pada Lembaga di bawah subseksyen (1) yang Kerajaan Negeri adalah pihak kepadanya sebaik sebelum tarikh peletakhkan itu, sama ada secara bertulis atau tidak, dan sama ada atau tidak daripada sesuatu jenis harta, hak, kepentingan, obligasi dan liabiliti di bawah perjanjian, surat ikatan atau apa-apa perkiraan lain itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang boleh diserahkan oleh Kerajaan Negeri, hendaklah mempunyai kuat kuasa seolah-olah Lembaga telah menjadi pihak kepada perjanjian, surat ikatan atau apa-apa perkiraan lain itu.

(8) Dalam seksyen ini, “tarikh peletakhkan” ertiinya tarikh yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri di bawah subseksyen (1).

### **Meterai Lembaga**

**5.** (1) Meterai Lembaga hendaklah mempunyai suatu tanda sebagaimana yang diluluskan oleh Lembaga dan meterai itu boleh dipecahkan, ditukar, diubah dan dibuat baharu oleh Lembaga sebagaimana yang difikirkannya patut.

(2) Sehingga suatu meterai diadakan oleh Lembaga, suatu cap yang mengandungi perkataan “Lembaga Perumahan dan Hartanah Perak” bolehlah digunakan dan hendaklah disifatkan sebagai meterai perbadanan Lembaga.

(3) Meterai perbadanan Lembaga hendaklah disimpan dalam jagaan Pengerusi dan hendaklah disahkan oleh—

(a) dua orang anggota Lembaga yang diberi kuasa oleh Lembaga; atau

(b) seorang anggota Lembaga yang diberi kuasa oleh Lembaga dan Pengerusi.

(4) Semua surat ikatan, dokumen dan surat cara lain yang berupa sebagai dimeteraikan dengan meterai perbadanan dan disahkan mengikut subseksyen (3) hendaklah, sehingga dibuktikan sebaliknya, disifatkan telah disempurnakan dengan sah.

(5) Meterai perbadanan Lembaga hendaklah diberi pengiktirafan rasmi dan kehakiman.

**Keanggotaan Lembaga**

**6.** (1) Lembaga hendaklah terdiri daripada—

- (a) Menteri Besar sebagai Pengerusi atau mana-mana orang yang dinamakan oleh beliau;
- (b) Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang bertanggungjawab dalam hal-hal berkaitan perumahan sebagai Timbalan Pengerusi;
- (c) tiga orang anggota atas nama jawatan, dan mereka itu hendaklah orang-orang yang pada masa itu memegang jawatan Setiausaha Kerajaan Negeri, Penasihat Undang-Undang Negeri dan Pegawai Kewangan Negeri;
- (d) tiga orang wakil Kerajaan Persekutuan yang dilantik oleh Menteri; dan
- (e) tidak lebih daripada empat orang wakil daripada apa-apa perbadanan, agensi atau mana-mana orang yang membawa manfaat kepada Lembaga yang dilantik oleh Menteri Besar.

(2) Seseorang anggota Lembaga yang dilantik di bawah perenggan (1)(e), hendaklah memegang jawatan selama tempoh yang tidak melebihi dua tahun dan adalah layak dilantik semula, melainkan jika dia terlebih dahulu meletak atau mengosongkan jawatannya atau perlantikannya terlebih dahulu dibatalkan oleh Menteri Besar.

(3) Anggota Lembaga bolehlah dibayar saraan atau elauan seperti yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

**Pengosongan jawatan**

**7.** (1) Jawatan seseorang anggota Lembaga yang dilantik di bawah perenggan 6(1)(e) hendaklah menjadi kosong sekiranya—

- (a) dia meninggal dunia;

- (b) telah dibuktikan terhadapnya, atau dia telah disabitkan atas, suatu pertuduhan berkenaan dengan—
    - (i) kesalahan yang melibatkan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak;
    - (ii) kesalahan di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan rasuah atau di bawah Enakmen ini; atau
    - (iii) apa-apa kesalahan lain yang boleh dihukum dengan pemenjaraan selama lebih daripada dua tahun;
  - (c) dia menjadi bankrap;
  - (d) dia tidak sempurna akal atau selainnya tidak berupaya menunaikan kewajipannya;
  - (e) dia tidak menghadirkan diri ke mesyuarat Lembaga tiga kali berturut-turut tanpa kebenaran Pengerusi;
  - (f) peletakan jawatannya diterima oleh Menteri Besar; atau
  - (g) pelantikannya dibatalkan oleh Menteri Besar.
- (2) Pengosongan jawatan yang berlaku kerana subseksyen (1) hendaklah diisi dengan pelantikan baru mengikut cara yang sama seperti cara anggota, yang tempatnya ingin diisi, telah dilantik.

### **Penzahiran kepentingan**

**8.** (1) Seseorang anggota Lembaga atau anggota bagi mana-mana jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah seksyen 12 yang mempunyai atau yang memperoleh kepentingan langsung atau tidak langsung dengan sendiri, menerusi anggota keluarganya atau menerusi sekutunya berhubung dengan mana-mana perkara yang sedang dibincangkan oleh Lembaga atau jawatankuasa itu hendaklah menzahirkan kepada Lembaga atau jawatankuasa itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, hakikat kepentingannya dan jenis kepentingan itu.

(2) Penzahiran di bawah subseksyen (1) hendaklah direkodkan dalam minit mesyuarat Lembaga atau jawatankuasa itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang dalamnya perkara itu dibincangkan dan selepas penzahiran itu, anggota itu—

- (a) tidak boleh dikira bagi maksud membentuk korum mesyuarat Lembaga atau jawatankuasa itu, mengikut mana-mana berkenaan; dan
- (b) tidak boleh mengambil bahagian atau hadir dalam mana-mana perbincangan atau keputusan Lembaga atau jawatankuasa itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, apabila perkara itu dibincangkan atau diputuskan.

(3) Tiada tindakan atau prosiding Lembaga atau jawatankuasa, boleh ditaksahkan atas alasan bahawa mana-mana anggota Lembaga atau jawatankuasa telah melanggar peruntukan-peruntukan seksyen ini.

(4) Bagi maksud seksyen ini—

- (a) “anggota keluarga”, berhubung dengan seseorang anggota Lembaga atau jawatankuasa, termasuklah—
  - (i) suami atau isterinya;
  - (ii) ibu atau bapanya (termasuk ibu atau bapa suami atau isterinya)
  - (iii) anaknya (termasuk anak angkat atau anak tiri);
  - (iv) adik beradiknya (termasuk adik beradik suami atau isterinya); dan
- (b) “sekutu”, berhubung dengan seseorang anggota Lembaga atau jawatankuasa, erti—
  - (i) mana-mana orang yang merupakan penama atau pekerja anggota itu;
  - (ii) mana-mana firma yang anggota itu atau mana-mana penamanya merupakan seorang pekongsinya;

- (iii) pekongsi anggota itu;
- (iv) pemegang amanah sesuatu amanah yang di bawahnya anggota itu atau seseorang anggota keluarganya menjadi benefisiarinya; atau
- (v) mana-mana perbadanan, mengikut pengertian Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*], yang anggota itu atau mana-mana penamanya atau seorang anggota keluarganya menjadi pengarahnya atau mempunyai kepentingan kawalan atau syer yang jumlah nilainya tidak kurang daripada tiga puluh peratus daripada jumlah modal diterbitkan perbadanan itu.

### **Kesahan perbuatan dan prosiding**

**9.** Tiada perbuatan yang dilakukan atau prosiding yang dijalankan di bawah Enakmen ini boleh dipersoal atas alasan bahawa—

- (a) terdapat apa-apa kekosongan dalam keanggotaan Lembaga atau jawatankuasa, atau kecacatan dalam penubuhan Lembaga atau jawatankuasa;
- (b) apa-apa peninggalan, kecacatan atau ketidakteraturan yang tidak menyentuh merit kes itu; atau
- (c) pelanggaran oleh mana-mana anggota jawatankuasa berkaitan dengan penzahiran kepentingan oleh anggota itu.

### **Mesyuarat**

**10.** (1) Lembaga hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali tiap-tiap tiga bulan.

(2) Korum di semua mesyuarat Lembaga hendaklah separuh daripada anggotanya hadir termasuk Pengerusi atau Timbalan Pengerusi dengan sekurang-kurangnya seorang anggota wakil Kerajaan Persekutuan hadir.

(3) Walau apapun yang dinyatakan dalam subseksyen (2), sesuatu mesyuarat Lembaga yang menimbang atau memutuskan perkara-perkara yang dirujuk di bawah perenggan 36(1)(a) hingga (d), korum hendaklah dua pertiga termasuk Pengerusi atau Timbalan Pengerusi dengan sekurang-kurangnya seorang anggota wakil Kerajaan Persekutuan hadir.

(4) Mesyuarat hendaklah dipengerusikan oleh Pengerusi atau Timbalan Pengerusi.

(5) Jika atas suatu persoalan untuk diputuskan, terdapat persamaan undi, Pengerusi atau Timbalan Pengerusi, yang mungkin mempengerusikan mesyuarat itu, hendaklah mempunyai undi pemutus sebagai tambahan kepada undinya terdahulu.

(6) Tertakluk kepada subseksyen (1) hingga (5), Lembaga hendaklah menentukan tatacaranya sendiri.

**Lembaga boleh mengundang orang lain bagi menghadiri mesyuarat**

**11.** (1) Lembaga boleh mengundang mana-mana orang untuk menghadiri mana-mana mesyuarat atau pertimbangtelitian Lembaga bagi maksud menasihatinya tentang apa-apa perkara yang sedang dibincangkan, tetapi mana-mana orang yang hadir sedemikian tidak berhak untuk mengundi dalam mesyuarat untuk pertimbangtelitian itu.

(2) Mana-mana orang yang diundang untuk menghadiri mana-mana mesyuarat atau pertimbangtelitian Lembaga di bawah subseksyen (1) boleh dibayar apa-apa elaun yang ditentukan oleh Lembaga.

**Lembaga boleh menu buhkan jawatankuasa**

**12.** (1) Lembaga boleh menu buhkan apa-apa jawatankuasa yang didapatinya perlu atau suai manfaat untuk membantunya melaksanakan fungsi atau kewajipannya dan menjalankan kuasanya di bawah Enakmen ini.

(2) Anggota sesuatu jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah subseksyen (1) boleh dilantik daripada kalangan anggota Lembaga atau mana-mana orang lain yang didapati patut oleh Lembaga.

(3) Lembaga boleh membatalkan pelantikan mana-mana anggota sesuatu jawatankuasa tanpa memberikan apa-apa sebab bagi pembatalan itu.

(4) Anggota sesuatu jawatankuasa boleh meletakkan jawatan dengan memberikan notis bertulis kepada Pengerusi.

(5) Sesuatu jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah seksyen ini boleh melantik mana-mana anggotanya menjadi penggerusi dan boleh mengawal selia tatacaranya sendiri, dan pada menjalankan kuasanya jawatankuasa itu hendaklah tertakluk kepada dan bertindak mengikut apa-apa arahan yang diberikan kepada jawatankuasa itu oleh Lembaga.

(6) Anggota sesuatu jawatankuasa atau mana-mana orang yang diundang untuk menghadiri mana-mana mesyuarat sesuatu jawatankuasa boleh dibayar apa-apa elaun dan perbelanjaan lain yang ditentukan oleh Lembaga.

(7) Mesyuarat sesuatu jawatankuasa hendaklah diadakan pada masa dan di tempat yang ditentukan oleh penggerusi jawatankuasa.

### **Minit**

**13.** (1) Lembaga dan jawatankuasa hendaklah menyenggarakan minit mesyuaratnya dalam bentuk yang sepatutnya.

(2) Apa-apa minit yang dibuat mengenai mesyuarat Lembaga atau sesuatu jawatankuasa, jika ditandatangani dengan sewajarnya, hendaklah, dalam mana-mana prosiding, diterima sebagai keterangan *prima facie* di mahkamah.

(3) Setiap mesyuarat Lembaga atau sesuatu jawatankuasa yang minit mengenainya telah dibuat mengikut subseksyen (1) dan (2) hendaklah disifatkan telah dipanggil dan diadakan dengan sewajarnya dan kesemua anggota dalam mesyuarat itu layak dengan sewajarnya untuk bertindak.

**Arahan oleh Pihak Berkuasa Negeri dan Menteri**

**14.** (1) Pihak Berkuasa Negeri boleh, dari semasa ke semasa, memberikan kepada Lembaga arahan-arahan yang difikirkan perlu yang bersifat am yang selaras dengan peruntukan Enakmen ini berhubung dengan fungsi, kewajipan dan kuasa Lembaga, dan Lembaga hendaklah, dengan secepat mungkin, melaksanakan arahan itu.

(2) Menteri boleh memberi kepada Lembaga apa-apa arahan yang perlu diikuti di dalam penjalanan dan pelaksanaan fungsi, tanggungjawab dan Lembaga hendaklah memberi kesan kepada arahan itu.

(3) Lembaga boleh menjalankan apa-apa fungsi lain, melaksanakan apa-apa kuasa lain dan mentadbir dan membelanjakan apa-apa wang lain bagi apa-apa maksud yang mungkin diuntukkan atau diberi kepadanya oleh Kerajaan Negeri atau mana-mana pihak berkuasa, setelah diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan dan dalam melakukan hal demikian Lembaga hendaklah disifatkan sebagai menunaikan maksud Enakmen ini.

**Maklumat kepada Pihak Berkuasa Negeri**

**15.** Lembaga atau jawatankuasa hendaklah membekalkan sebarang penyata, laporan, akaun dan maklumat kepada Pihak Berkuasa Negeri berhubung dengan harta dan kegiatannya apabila dikehendaki oleh Pihak Berkuasa Negeri.

**Pembentangan projek kepada Pihak Berkuasa Negeri**

**16.** (1) Lembaga atau jawatankuasa hendaklah dari semasa ke semasa menyediakan dan membentangkan kepada Pihak Berkuasa Negeri cadangan, pelan dan projek yang menunjukkan bidang kerja yang dicadangkan untuk dilaksanakan.

(2) Dalam mempertimbangkan cadangan, pelan dan projek yang dibentangkan oleh Lembaga atau jawatankuasa, Pihak Berkuasa Negeri boleh, sama ada meluluskan, menolak atau meminda mana-mana cadangan, pelan atau projek itu atau sebahagiannya.

## BAHAGIAN III

## FUNGSI DAN KUASA LEMBAGA

**Fungsi Lembaga**

**17.** Fungsi Lembaga adalah untuk—

- (a) menggalak, memudah cara, menyelaras, mengurus, mengawal selia dan melaksanakan pemajuan perumahan dan harta tanah, khususnya untuk golongan berpendapatan rendah dan sederhana;
- (b) memastikan bahawa Enakmen ini ditadbirkan, dikuatkuasakan, diberi kuat kuasa, dijalankan dan dipatuhi;
- (c) memberi nasihat kepada Pihak Berkuasa Negeri berkenaan dengan dasar, cara dan strategi yang hendak diambil untuk menggalak dan memudahcarakan pemajuan perumahan dan harta tanah;
- (d) melaksana dan memberi kesan kepada apa-apa dasar, arahan atau perintah Pihak Berkuasa Negeri;
- (e) memudahcarakan pemajuan perumahan dan harta tanah secara amnya dan pemajuan perumahan awam dan rumah mampu milik secara khasnya;
- (f) menjalankan peranan sebagai badan penyelaras utama antara agensi Kerajaan dan swasta untuk membolehkan kemajuan dan pelaksanaan pemajuan perumahan dan harta tanah secara pesat;
- (g) membangun, menerima pakai dan melaksanakan dasar, panduan, piawai, cara dan tatacara mengenai pemajuan, pengurusan dan peruntukan perumahan awam dan rumah mampu milik;
- (h) menerima pakai dan melaksanakan dasar-dasar, pelan dan projek oleh kerajaan Persekutuan seperti yang diarah oleh Pihak Berkuasa Negeri;

- (i) merancang, membangun, mempromosi, melaksana dan menggalakkan pemajuan, pelaksanaan penyewaan, pemasaran dan penjualan perumahan dan harta tanah secara amnya dan secara khususnya bagi perumahan awam dan rumah mampu milik;
- (j) mengurus dan menjalankan pengendalian dan penyelenggaraan kawasan perumahan awam termasuk kemudahan, infrastruktur, tempat dan alat di kawasan tersebut;
- (k) menggalak, menyelaras dan melaksanakan kajian dan pemajuan di dalam semua aspek perumahan dan harta tanah dan secara khusus mengenai perumahan awam dan rumah mampu milik;
- (l) menyediakan maklumat dan menjadi pusat sumber rujukan berkenaan perumahan dan harta tanah di Negeri kepada industri perumahan dan harta tanah; dan
- (m) menjalankan apa-apa aktiviti dan melakukan apa-apa perkara yang perlu atau bermanfaat dan patut bagi, atau berhubungan dengan penjalanan dan pentadbiran Lembaga bagi maksud Enakmen ini.

### **Kuasa Lembaga**

**18.** (1) Lembaga hendaklah mempunyai kuasa untuk melakukan segala perkara yang perlu atau suai manfaat untuk atau yang berkaitan dengan pelaksanaan fungsinya di bawah Enakmen ini.

(2) Tanpa menjelaskan keluasan subseksyen (1), kuasa Lembaga termasuklah untuk—

- (a) mengendalikan tinjauan, membuat kajian dan mengumpul maklumat untuk penyediaan pelan pemajuan dan pengurusan bagi perumahan dan harta tanah khususnya perumahan awam dan mampu milik;
- (b) mengadakan suatu daftar dan rekod bagi mana-mana orang yang menjalankan pemajuan perumahan dan harta tanah khususnya perumahan awam dan mampu milik;

- (c) memutuskan, menerima pakai dan melaksanakan piawai, panduan dan tindakan lain untuk memastikan mutu pemajuan perumahan dan hartanah khususnya perumahan awam dan mampu milik;
- (d) merancang dan melaksanakan pemajuan perumahan dan hartanah khususnya perumahan awam dan sebarang kerja yang berhubung dengannya;
- (e) menggubal garis panduan dan melaksanakan tindakan untuk memastikan bahawa pengurusan dan penyelenggaraan sebarang bangunan atau kerja di dalam mana-mana pemajuan perumahan awam adalah dilaksanakan mengikut mana-mana undang-undang bertulis;
- (f) tertakluk kepada mana-mana undang-undang bertulis, menggubal dan mengenakan fi, sewa dan caj penyelenggaraan dan lain-lain bayaran yang berkaitan untuk perumahan awam dan penggunaan kemudahan di situ;
- (g) menetapkan dan mengenakan fi, bayaran, faedah, caruman dan caj lain yang berhubung dengan pelaksanaan fungsi dan kuasa di bawah Enakmen ini;
- (h) menubuh dan mengendali tabung amanah dan untuk meletakhak harta, hak dan liabiliti pada tabung itu;
- (i) membina, menyelenggara, membaiki, memulih, mendiami semula dan menggunakan sebarang struktur, bangunan atau kerja-kerja di dalam mana-mana rancangan perumahan atau hartanah khususnya perumahan awam;
- (j) melantik atau menggaji mana-mana ejen, pakar, penasihat teknikal, perunding atau kontraktor termasuk untuk mengadakan perkongsian keuntungan atau usahasama dengan mana-mana orang atau kumpulan orang sebagaimana yang difikirkannya patut bagi membantu Lembaga dalam melaksanakan fungsinya;

- (k) menjalankan dan menyelaraskan aktiviti berkaitan dengan kajian dan latihan untuk pemajuan perumahan dan harta tanah termasuk melantik mana-mana orang atau badan untuk menjalankan kajian atau latihan tersebut;
- (l) tertakluk pada Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [*Akta 118*] dan mana-mana undang-undang bertulis, salvaj, memperolehi, menyelamat, menyerah hak semula atau menghendaki mana-mana pemaju perumahan atau harta tanah atau agensi awam untuk salvaj, menyelamat atau menyerah hak semula sebarang pemajuan perumahan atau harta tanah yang terbengkalai atau yang lewat tanpa sepatutnya;
- (m) menetap dan melaksanakan dasar, peraturan dan panduan bagi memperuntukkan jenis-jenis perumahan dan harta tanah dan kategori pembeli bagi sebarang pemajuan perumahan khususnya perumahan awam dan mampu milik;
- (n) memperolehi melalui pembelian, hadiah, surat ikatan, amanah atau sebaliknya dan melupuskan atau berurusan dengan harta alih dan harta tak alih dan sebarang kepentingan di dalamnya, atas terma-terma dan syarat-syarat yang dianggap wajar oleh Lembaga;
- (o) membuat atau melaksanakan sebarang perbuatan yang dianggap oleh Lembaga sebagai perlu, bermanfaat atau sesuai manfaat untuk dilakukan atau dibuat dalam pelaksanaan tugasnya atau untuk melaksanakan secara lebih berkesan tujuan Enakmen ini;
- (p) melaksanakan semua fungsi dan kewajipan dan menjalankan semua kuasa yang diberikan atau diwakilkan kepadanya di bawah atau berkenaan mana-mana undang-undang bertulis yang lain;
- (q) menetapkan penalti terhadap segala ketidakpatuhan dasar, polisi dan peraturan yang ditetapkan oleh Lembaga;

- (r) melakukan segala tindakan yang wajar atau suai manfaat atau perlu untuk atau bersampingan dengan pelaksanaan fungsinya di bawah Enakmen; dan
- (s) menjalankan apa-apa fungsi lain yang diberikan atau diwakilkan oleh Pihak Berkuasa Negeri di bawah Enakmen ini.

### **Pewakilan fungsi dan kuasa Lembaga**

**19.** (1) Lembaga boleh, secara bertulis dan tertakluk kepada apa-apa syarat dan sekatan yang ditetapkan oleh Lembaga, mewakilkan mana-mana fungsi dan kuasanya di bawah Enakmen ini kepada—

- (a) Pengerusi atau Timbalan Pengerusi;
- (b) Ketua Pegawai Eksekutif;
- (c) suatu jawatankuasa;
- (d) pihak berkuasa awam; atau
- (e) mana-mana orang lain.

(2) Walau apapun yang dinyatakan dalam subseksyen (1), kuasa untuk—

- (a) meminjam wang;
- (b) mendapatkan pinjaman; dan
- (c) mana-mana fungsi atau kuasa yang diberikan oleh Pihak Berkuasa Negeri kepada Lembaga,

tidak boleh diwakilkan kepada mana-mana orang, termasuklah orang yang dinyatakan dalam subseksyen (1).

(3) Lembaga boleh mewakilkan kepada mana-mana anggota Lembaga, Ketua Pegawai Eksekutif, pekerjanya atau jawatankuasa untuk membenarkan perbelanjaan dari Kumpulan Wang atau sebarang wang lain di bawah kawalan Lembaga bagi sejumlah aman yang ditetapkan oleh Lembaga.

(4) Perwakilan di bawah seksyen ini tidaklah menghalang Lembaga daripada melaksanakan atau menjalankan sendiri mana-mana fungsi, kewajipan atau kuasa yang diwakilkan itu pada bila-bila masa.

### **Kuasa untuk menubuhkan perbadanan**

**20.** Lembaga boleh, dari semasa ke semasa, dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri setelah berunding dengan Menteri, menubuhkan suatu perbadanan menurut Jadual dengan apa-apa nama yang ditentukan oleh Lembaga untuk menjaga, membangun, mengurus apa-apa rancangan pemajuan, projek, skim atau perusahaan sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.

## BAHAGIAN IV

### PEKERJA LEMBAGA

#### **Ketua Pegawai Eksekutif**

**21.** (1) Pihak Berkuasa Negeri hendaklah melantik seorang Ketua Pegawai Eksekutif.

(2) Pelantikan di bawah subseksyen (1) hendaklah dibuat atas apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

(3) Pihak Berkuasa Negeri boleh menamatkan atau membatalkan pelantikan Ketua Pegawai Eksekutif pada bila-bila masa tanpa memberikan apa-apa sebab bagi penamatan atau pembatalannya.

(4) Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah dibayar apa-apa saraan dan elaua sebagaimana yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

(5) Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah bertanggungjawab kepada Pengerusi dan hendaklah mempunyai kuasa, tugas dan fungsi sebagaimana yang ditetapkan oleh Lembaga termasuklah—

- (a) penyediaan dan pelaksanaan segala program atau projek untuk pertimbangan Lembaga; dan
- (b) pelaksanaan keputusan atau arahan Lembaga.

(6) Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah bertanggungjawab bagi pentadbiran harian Lembaga termasuk arahan, kawalan dan pengawasan segala perkara yang berhubungan dengan Lembaga.

(7) Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah mempunyai kawalan am ke atas pekerja Lembaga.

### **Penjalanan sementara fungsi Ketua Pegawai Eksekutif**

**22.** Pihak Berkuasa Negeri boleh melantik secara sementara mana-mana pekerja Lembaga untuk bertindak sebagai Ketua Pegawai Eksekutif selama tempoh apabila—

- (a) jawatan Ketua Pegawai Eksekutif kosong;
- (b) Ketua Pegawai Eksekutif tidak hadir bertugas atau tidak ada di Malaysia; atau
- (c) Ketua Pegawai Eksekutif, kerana apa-apa sebab, tidak boleh melaksanakan tugas jawatannya.

### **Mengambil kerja pekerja kerajaan**

**23.** (1) Lembaga hendaklah, pada tarikh yang ditetapkan, menerima ke dalam penggajiannya tiap-tiap orang yang sebaik sebelum tarikh itu berada dalam penggajian atau perkhidmatan Bahagian Perumahan Awam, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak dan yang telah diberi pilihan oleh Kerajaan Negeri dan telah memilih untuk berkhidmat sebagai pekerja Lembaga.

(2) Tiap-tiap orang sedemikian yang memilih di bawah subseksyen (1) untuk berkhidmat sebagai pekerja Lembaga hendaklah diambil kerja oleh Lembaga atas terma dan syarat perkhidmatan yang tidak kurang baiknya daripada terma dan syarat perkhidmatan yang kepadanya dia berhak sebelum tarikh yang ditetapkan.

(3) Sehingga terma dan syarat perkhidmatan pekerjanya ditentukan oleh Lembaga, skim, terma dan syarat perkhidmatan pekerjanya hendaklah terus terpakai bagi tiap-tiap orang yang diambil kerja oleh Lembaga di bawah subseksyen (1).

(4) Pihak Berkuasa Negeri boleh, melalui pemberitahuan yang diwartakan, membuat apa-apa ubah suaian yang perlu kepada skim, terma atau syarat yang disebutkan dalam subseksyen (3) bagi maksud menghapuskan kesulitan berbangkit daripada peruntukan subseksyen itu.

**Gaji, terma dan syarat perkhidmatan pekerja kerajaan hendaklah diambil kira**

**24.** (1) Lembaga hendaklah mengambil kira gaji, terma dan syarat perkhidmatan, termasuklah apa-apa hak terakru untuk mendapat cuti, yang dinikmati oleh orang itu ketika berada dalam penggajian kerajaan sebelum memilih untuk memasuki perkhidmatan Lembaga.

(2) Jika orang itu membuat pilihan untuk memasuki perkhidmatan Lembaga, maka apa-apa terma dan syarat yang berhubungan dengan tempoh perkhidmatan dan pengiktirafan perkhidmatan dengan kerajaan hendaklah diambil kira oleh Lembaga.

(3) Jika mana-mana orang dalam perkhidmatan Lembaga yang tidak tertakluk kepada mana-mana skim pencen atau skim lain yang diwujudkan di bawah seksyen ini bersara atau meninggal dunia semasa dalam perkhidmatan Lembaga atau dilepaskan daripada perkhidmatan, Lembaga boleh memberinya atau mana-mana orang lain yang ditanggung sepenuhnya atau sebahagiannya oleh orang itu, apa-apa elaun atau ganjaran sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.

**Penerusan dan penyelesaian prosiding tatatertib**

**25.** (1) Jika pada tarikh yang telah ditetapkan, apa-apa prosiding tatatertib belum selesai atau wujud terhadap mana-mana pekerja kerajaan yang telah memilih memasuki perkhidmatan Lembaga, prosiding itu hendaklah diteruskan dan diselesaikan oleh Lembaga :

Dengan syarat bahawa undang-undang yang terpakai bagi pekerja itu sebaik sebelum tarikh yang ditetapkan berhubung dengan prosiding tatatertib hendaklah terpakai bagi prosiding yang diteruskan dan diselesaikan di bawah seksyen ini.

(2) Suatu perintah, keputusan atau arahan yang dibuat atau diberikan oleh pihak berkuasa tata tertib Lembaga menurut seksyen ini hendaklah, berkenaan dengan pekerja itu, mempunyai kuat kuasa dan kesan yang sama dengan perintah, keputusan atau arahan yang dibuat atau diberikan oleh Pihak Berkuasa Tata tertib, Lembaga Tata tertib atau Lembaga Rayuan Tata tertib, mengikut mana-mana yang berkenaan, di bawah undang-undang yang dinyatakan dalam subseksyen (1).

(3) Pihak Berkuasa Negeri boleh, melalui perintah, membuat apa-apa ubah suaian yang perlu kepada undang-undang yang disebut dalam subseksyen (1) dalam pemakaianya kepada pekerja itu bagi maksud menghapuskan kesulitan yang berbangkit daripada peruntukan seksyen ini.

### **Pelantikan pekerja lain**

**26.** Tertakluk kepada mana-mana peraturan yang dibuat di bawah seksyen 27, Lembaga boleh, dari semasa ke semasa, melantik dan mengambil kerja atas apa-apa terma dan syarat yang didapati patut oleh Lembaga mana-mana pekerja lain yang perlu bagi pentadbiran Enakmen ini.

### **Peraturan berkenaan dengan penggajian**

**27.** (1) Lembaga boleh, dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri, membuat peraturan-peraturan berkenaan dengan penggajian pekerja Lembaga.

(2) Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen ini boleh termasuk peruntukan bagi—

- (a) cara pelantikan, terma dan syarat perkhidmatan pekerja Lembaga; dan
- (b) pembayaran ganjaran, pencen dan faedah lain kepada pekerja Lembaga.

### **Tata tertib dan surc妖**

**28.** Lembaga hendaklah mempunyai kuasa tata tertib dan surc妖 ke atas semua pekerja Lembaga dan hendaklah menjalankan kawalan

tata tertib terhadap pekerja itu mengikut Enakmen Badan-Badan Berkanun (Tata tertib Dan Surcaj) (Perak) 2003 [*Enakmen Bil. 1 tahun 2003*].

### **Kuasa untuk mengambil kerja ejen**

**29.** Lembaga boleh mengambil kerja dan membayar apa-apa saraan atau elauan kepada ejen, penasihat teknikal termasuk perunding, peguambela dan peguamcara, broker saham, juruukur atau penilai atau orang lain untuk menguruskan atau membuat apa-apa perbuatan yang dikehendaki dijalankan atau dilakukan dalam melaksanakan fungsi dan kuasanya atau untuk melaksanakan dengan lebih baik bagi maksud Enakmen ini.

### **Lembaga boleh menerima pakai peraturan *dsb.***

**30.** Dalam membuat apa-apa peraturan di bawah Bahagian ini, Lembaga boleh, dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri, menerima pakai dengan membuat apa-apa ubah suaian yang difikirkannya patut mananya peraturan, kaedah, dasar, pekeliling, dan arahan yang diperbuat atau dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri atau Kerajaan Persekutuan.

## BAHAGIAN V

### KEWANGAN

### **Kumpulan Wang**

**31.** (1) Bagi maksud Enakmen ini, suatu kumpulan wang yang dikenali sebagai “Kumpulan Wang Lembaga Perumahan dan Hartanah Perak” ditubuhkan.

(2) Kumpulan Wang hendaklah dikawal, disenggara dan ditadbirkan oleh Lembaga.

(3) Kumpulan Wang hendaklah terdiri daripada—

(a) apa-apa jumlah wang yang diperuntukkan dari semasa ke semasa oleh Kerajaan Negeri atau Kerajaan Persekutuan;

- (b) apa-apa jumlah wang yang diagihkan daripada hasil pinjaman yang diperolehi dari semasa ke semasa oleh Kerajaan Negeri;
- (c) apa-apa jumlah wang yang dipinjam oleh Lembaga dari semasa ke semasa bagi tujuan memenuhi obligasi atau melaksanakan mana-mana fungsi dan kuasanya;
- (d) wang yang diperolehi Lembaga daripada mana-mana projek, skim atau rancangan yang dibiayai melalui Kumpulan Wang;
- (e) wang yang diperolehi atau terbit daripada penjualan, pelupusan, pemajakan atau penyewaan, atau apa-apa urusniaga lain mengenai, apa-apa harta, pelaburan, gadai-janji, gadaian atau debentur yang diperolehi oleh atau yang terletak hak pada Lembaga;
- (f) apa-apa fi, kos atau caj lain yang dikenakan dan dipungut oleh Lembaga;
- (g) segala jumlah wang atau harta lain yang mungkin dengan apa-apa cara menjadi kena dibayar kepada atau terletak hak pada Lembaga berkenaan dengan fungsi dan kuasanya;
- (h) apa-apa sumbangan atau pelaburan yang diberikan oleh mana-mana orang bagi maksud pemajuan perumahan dan hartanah di Negeri;
- (i) apa-apa kos yang dibayar kepada atau didapatkan oleh Lembaga dalam apa-apa penyelesaian tindakan atau prosiding, sivil atau jenayah; dan
- (j) segala wang lain yang diterima dengan sah oleh Lembaga.

(4) Kumpulan Wang hendaklah dibelanjakan bagi maksud-maksud yang berikut:

- (a) membayar apa-apa perbelanjaan, termasuk perbelanjaan modal yang ditanggung oleh Lembaga dalam melaksanakan fungsi dan kuasanya;
- (b) membayar balik wang yang dipinjam kepada Lembaga di bawah kuasa meminjamnya dan bunga yang kena dibayar atas wang yang dipinjam;
- (c) membayar saraan, elaun, fi, ganjaran dan belanja lain anggota Lembaga dan jawatankuasa, pekerja Lembaga, ejen dan penasihat teknikal serta penasihat lain Lembaga, termasuk pinjaman wang yang diberi kepada pekerja;
- (d) membeli atau menyewa kelengkapan, memperoleh tanah dan apa-apa aset bagi maksud pelaksanaan fungsi dan kuasanya;
- (e) apa-apa subsidi atau kemudahan kredit yang diberi oleh Lembaga mengikut kuasanya di bawah Enakmen ini; dan
- (f) secara amnya, membayar apa-apa belanja bagi melaksanakan peruntukan Enakmen ini.

### **Pemberian**

**32.** Lembaga boleh, dari semasa ke semasa, menerima apa-apa pemberian yang diberi kepada Lembaga bagi segala atau mana-mana daripada maksud yang dinyatakan dalam Enakmen ini dan, tertakluk kepada syarat mengenai mana-mana pemberian itu, boleh menggunakanya bagi maksud itu mengikut peruntukan di bawah Enakmen ini.

### **Kuasa untuk meminjam**

**33.** Tertakluk kepada peruntukan seksyen 36, Lembaga boleh, dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri, meminjam atas apa-apa terma dan

syarat yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Negeri, apa-apa jumlah wang yang diperlukan oleh Lembaga untuk melaksanakan mana-mana fungsi dan kuasanya di bawah Enakmen ini.

### **Kewangan**

**34.** (1) Perbelanjaan Lembaga, setakat had amau yang dibenarkan oleh Pihak Berkuasa Negeri menurut subseksyen (2) pada mana-mana satu tahun, hendaklah dibayar daripada Kumpulan Wang itu.

(2) Lembaga hendaklah, sebelum permulaan Julai setiap tahun, menyerahkan kepada Pihak Berkuasa Negeri anggaran perbelanjaan untuk tahun hadapan dalam bentuk dan beserta butir-butir yang dikehendaki oleh Pihak Berkuasa Negeri.

(3) Pihak Berkuasa Negeri hendaklah, sebelum permulaan September setiap tahun, memaklumkan kepada Lembaga berkenaan jumlah yang dibenarkan untuk setiap jenis perbelanjaan.

(4) Lembaga boleh, dari semasa ke semasa, menyerahkan anggaran tambahan untuk mana-mana satu tahun dan Pihak Berkuasa Negeri boleh membenarkan kesemua atau sebahagian perbelanjaan tambahan yang termasuk di dalam anggaran tambahan itu.

### **Pinjaman dan biasiswa**

**35.** Lembaga boleh, tertakluk kepada kelulusan Pihak Berkuasa Negeri, memberikan pinjaman wang dan biasiswa kepada mana-mana pekerja atau pekhidmatnya bagi apa-apa maksud dan atas apa-apa syarat dan terma yang ditentukan oleh Lembaga.

### **Kuasa pemberian bantuan kewangan, pelaburan dsb.**

**36.** (1) Lembaga boleh, dengan kebenaran bertulis Menteri Kewangan dan persetujuan Pihak Berkuasa Negeri, untuk —

- (a) menubuh atau menganjurkan penubuhan atau pembesaran syarikat atau lain-lain badan untuk menjalankan aktiviti sama ada di bawah kawalan atau separuh kawalan Lembaga sendiri atau secara bebas;

- (b) memberi bantuan kewangan kepada mana-mana syarikat, badan berkanun, mana-mana badan atau orang melalui pengambilan saham atau debentur, atau melalui apa-apa pinjaman, pendahuluan, pemberian, jaminan kewangan atau sebagainya;
- (c) membeli, menanggung atau memiliki apa-apa saham dan syer di dalam mana-mana syarikat milik kerajaan atau persendirian; atau
- (d) meminjam wang atau memberi apa-apa jaminan yang melibatkan liabiliti kewangan.

(2) Bagi maksud melaksanakan kuasa Lembaga di bawah perenggan (1)(a), ahli pengurusan syarikat atau badan lain itu hendaklah mengandungi tidak kurang dari seorang anggota atau seorang pekerja dari Lembaga.

(3) Pihak Berkuasa Negeri boleh, semasa memberi persetujuan di bawah subseksyen (1), mengenakan apa-apa terma dan syarat yang difikirkan sesuai.

(4) Tiada badan berkanun boleh ditubuhkan oleh Lembaga di bawah Enakmen ini atau di bawah mana-mana undang-undang lain.

### **Aset yang tidak dibelanjakan**

**37.** Aset Lembaga boleh, setakat mana ianya tidak dikehendaki untuk dibelanjakan, dilaburkan mengikut apa-apa cara atau disimpan di mana-mana institusi kewangan yang diluluskan oleh Menteri Kewangan.

### **Aset tidak boleh dilupuskan tanpa kebenaran**

**38.** Lembaga hendaklah, dengan kebenaran bertulis Menteri Kewangan, melupuskan, menanggalkan atau menukar bagi ganjaran lain mana-mana asetnya melainkan Menteri Kewangan mengarahkan, sama ada secara khusus mengenai sesuatu aset, atau secara am mengenai mana-mana kategori aset, bahawa setelah mengambil kira nilai rendah

aset atau aset-aset, kebenaran bertulis terlebih dahulu itu tidak perlu diperolehi:

Dengan syarat peruntukan ini hendaklah tidak terpakai kepada hal mengenai penjualan sebarang tanah yang telah dipecah bahagikan kepada kilang, perumahan atau lot-lot kedai, tanpa mengira sama ada tanah tersebut bermaksud untuk dijual dengan bangunan yang dibina atasnya atau tidak.

### **Penyimpanan akaun**

**39.** (1) Lembaga hendaklah menyimpan dengan sepatutnya akaun dan lain-lain rekod berkenaan dengan urusniaga dan hal ehwalnya mengikut prinsip perakaunan yang diterima umum dan hendaklah membuat segala yang perlu untuk memastikan bahawa semua pendapatan adalah dikira secara betul dan kawalan yang mencukupi dibekalkan ke atas hartanya atau ianya adalah di dalam simpanan Lembaga dan ke atas sebarang liabiliti yang ditanggung oleh Lembaga.

(2) Menteri Kewangan boleh membuat peraturan yang perlu untuk mencapai objektif subseksyen (1) dan untuk memastikan sistem pengurusan kewangan dan kawalan dan amalan di dalam Lembaga adalah teratur, Menteri Kewangan boleh membuat peraturan mengenai—

- (a) pemungutan, penerimaan, penyimpanan, pengeluaran perbelanjaan, menyimpan akaun untuk, pengawasan dan pengurusan semua pendapatan, pinjaman, amanah dan wang lain dan semua bon, diterima oleh atau ke atas akaun Lembaga dan bagi panduan kesemua orang yang berkaitan dengannya;
- (b) pelantikan pegawai akaun Lembaga dan tanggungjawabnya bagi memastikan wang dan harta Lembaga adalah disimpan di bawah kawalan mereka pada setiap masa dan wang tersebut dibelanjakan dengan bijak, berekonomi dan sangat mengambil berat nilai yang diterima;

- (c) penyimpanan rekod, pemeriksaan dan naziran secara lebih efektif semua resit dan perbelanjaan dan penyimpanan semua buku dan akaun oleh Lembaga;
- (d) borang-borang untuk semua buku, pulangan dan dokumen yang apa sahaja diperlukan di bawah Enakmen ini atau peraturan di bawahnya;
- (e) pembelian, penyimpanan selamat, pengeluaran, penjualan atau penghapusan lain atau penghapusan catel atau harta lain Lembaga dan simpanan akaun sepatutnya untuk sebarang pengiraan stok, catel dan harta tersebut; dan
- (f) penyediaan anggaran pendapatan dan perbelanjaan oleh Lembaga.

**Tahun kewangan dan akaun beraudit**

**40.** (1) Lembaga hendaklah mempunyai tahun kewangan yang bermula 1 Januari.

(2) Akaun itu hendaklah diaudit tiap-tiap tahun oleh Ketua Audit Negara atau juruaudit yang dilantik oleh Lembaga dengan kelulusan Menteri Kewangan.

(3) Lembaga hendaklah dalam enam bulan selepas berakhirnya tiap-tiap satu tahun kewangan mengauditkan akaunnya dan menghantar kepada Pihak Berkuasa Negeri dan Menteri, bersama-sama dengan satu salinan apa-apa pandangan yang dibuat oleh Ketua Audit Negara atau juruaudit yang dilantik di bawah subseksyen (2) atas apa-apa kenyataan atau akaun Lembaga bersama-sama dengan satu salinan laporan tahunan yang dirujuk dalam seksyen 42.

(4) Pihak Berkuasa Negeri hendaklah menyebabkan satu salinan bagi tiap-tiap kenyataan bersama dengan satu salinan apa-apa pandangan yang dibuat oleh Ketua Audit Negara atau juruaudit

yang dilantik di bawah subseksyen (2) atas apa-apa kenyataan atau akaun Lembaga dan satu salinan laporan tahunan yang dirujuk dalam seksyen 42 dibentangkan di dalam persidangan Dewan Negeri yang akan datang.

### **Siasatan terhadap akaun**

**41.** (1) Menteri atau Menteri Kewangan boleh, pada bila-bila masa, mengarah orang tertentu yang dilantik olehnya untuk membuat penyiasatan terhadap buku, akaun dan urusniaga Lembaga.

(2) Lembaga hendaklah memberi kepada orang yang dilantik di bawah subseksyen (1) akses kepada buku, akaun dan dokumen serta memberi apa-apa maklumat yang dikehendaki oleh orang itu untuk menjalankan penyiasatan :

Dengan syarat buku, akaun dan dokumen itu tidak boleh dikehendaki dikemukakan pada masa dan tempat yang akan mengganggu dengan perjalanan harian biasa yang wajar bagi Lembaga.

### **Laporan tahunan**

**42.** (1) Lembaga hendaklah, tidak lewat daripada 30 Jun setiap tahun kewangannya, menyebabkan dibuat dan dihantar kepada Menteri dan Pihak Berkuasa Negeri, suatu laporan menyentuh kegiatan Lembaga pada tahun sebelumnya.

(2) Pihak Berkuasa Negeri hendaklah menyebabkan suatu salinan tiap-tiap laporan tahunan itu dibentangkan di dalam Dewan Negeri.

## BAHAGIAN VI

### PEMAJUAN PERUMAHAN DAN HARTANAH

#### **Tanggungjawab untuk pemajuan perumahan dan hartanah**

**43.** Lembaga hendaklah bertanggungjawab untuk mengawal selia, menggalak dan memudah cara pemajuan perumahan dan hartanah dalam Negeri khususnya perumahan awam dan rumah mampu milik.

**Pemberian maklumat**

**44.** (1) Lembaga boleh, bagi maksud pentadbiran Enakmen ini, menghendaki mana-mana orang, pihak berkuasa awam atau pemaju perumahan atau harta tanah atau penghuni mana-mana premis memberi apa-apa maklumat mengenai pemajuan itu kepada Lembaga.

(2) Ketua Pegawai Eksekutif boleh, melalui notis bertulis, menghendaki mana-mana orang, pihak berkuasa awam atau pemaju perumahan, pemaju harta tanah atau penghuni mana-mana premis memberi apa-apa maklumat dalam tempoh yang ditetapkan dalam notis.

(3) Mana-mana orang yang gagal memberikan maklumat yang dikehendaki mengikut subseksyen (1) dan (2) atau memberi jawapan atau maklumat palsu atau mengelirukan dalam apa jua bentuk, adalah melakukan kesalahan dan jika disabitkan dengan kesalahan, boleh dikenakan denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.

**Pendaftaran orang yang menjalankan pemajuan perumahan dan harta tanah**

**45.** (1) Mana-mana orang atau pihak berkuasa awam yang menjalankan apa-apa pemajuan perumahan atau harta tanah bolehlah, sebelum memulakan pemajuan itu, mendaftar dengan Lembaga.

(2) Permohonan untuk pendaftaran hendaklah dalam borang yang ditentukan oleh Lembaga dan hendaklah disertakan dengan—

- (a) butir-butir aktiviti atau pemajuan yang dicadangkan; dan
- (b) apa-apa fi yang ditetapkan oleh Lembaga.

**Lembaga boleh mengusir dan mengambil pemilikan kosong**

**46.** Lembaga, tertakluk kepada apa-apa syarat yang dikenakan oleh peraturan yang dibuat di bawah seksyen 63, boleh—

- (a) mengambil pemilikan kosong sebarang apartmen, rumah, kediaman lain, premis komersil atau rumah kedai yang disewakan atau dijual oleh Lembaga; dan

(b) mengusir mana-mana orang dari sebarang premis atau hartanah yang disewakan atau dijual oleh Lembaga;

sekiranya pemilik atau penghuni yang dibenarkan itu melanggar apa-apa peruntukan peraturan-peraturan yang ditetapkan.

### **Pengambilan balik tanah**

**47.** (1) Mana-mana harta tak alih, yang bukan tanah milik Kerajaan Negeri, yang dikehendaki untuk diambil oleh Lembaga bagi maksud Enakmen ini, boleh diambil menurut peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan pengambilan tanah bagi sesuatu maksud awam yang berkuat kuasa di Negeri.

(2) Apa-apa perisy蒂haran, oleh mana-mana undang-undang bertulis bahawa harta tak alih itu dikehendaki untuk dibuat pengambilan oleh Lembaga, boleh dibuat dan hendaklah berkuat kuasa seolah-olah ia adalah suatu perisy蒂haran bahawa harta tak alih itu adalah dikehendaki bagi suatu maksud awam menurut undang-undang bertulis itu.

(3) Perbelanjaan dan pampasan untuk pengambilan harta tak alih itu hendaklah dibayar daripada Kumpulan Wang.

(4) Bagi mana-mana harta tak alih yang telah dibuat pengambilan di bawah seksyen ini, Lembaga hendaklah—

(a) mengambil cabutan suratan hak milik berkenaan dengan harta tak alih itu; dan

(b) membayar apa-apa fi dan caj yang kena dibayar bagi harta tak alih itu daripada Kumpulan Wang.

## BAHAGIAN VII

### PERUMAHAN AWAM

#### **Kecualian bagi perundangan lain *dsb.***

**48.** Tiada apa-apa juga dalam Bahagian ini boleh menghapuskan atau mengehadkan kesan, atau menghalang pergantungan pada—

(a) mana-mana undang-undang bertulis;

- (b) apa-apa terma dalam mana-mana perjanjian bertulis antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri; atau
- (c) apa-apa terma dalam dasar perumahan negara,
- berkaitan pemajuan perumahan secara amnya dan pemajuan perumahan awam secara khususnya, yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.

### **Harga jualan**

**49.** Lembaga boleh, dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri, menetapkan harga jualan maksimum bagi perumahan awam dan menetapkan harga jualan maksimum yang berlainan bagi daerah, kawasan atau lokasi berlainan di Negeri.

### **Kelayakan pembeli**

**50.** (1) Lembaga boleh, dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri, menetapkan syarat kelayakan bagi pembeli perumahan awam yang antaranya hendaklah termasuk jumlah pendapatan isi rumah, taraf perkahwinan, jumlah tanggungan dan apa-apa syarat lain yang difikirkan patut oleh Lembaga.

(2) Mana-mana orang yang memenuhi syarat sebagai pembeli perumahan awam boleh membuat pendaftaran kepada Lembaga melalui borang permohonan yang ditetapkan.

(3) Permohonan bolehlah disertakan dengan fi.

### **Keputusan**

**51.** Lembaga boleh meluluskan atau menolak permohonan selepas mengambil kira semua dokumen, maklumat dan fi.

### **Daftar pembeli**

**52.** (1) Lembaga hendaklah menyimpan dan menyelenggara suatu daftar yang mengandungi maklumat pembeli mana-mana perumahan awam dan apa-apa perkara sebagaimana yang ditetapkan oleh Lembaga.

(2) Daftar itu hendaklah—

- (a) disimpan bagi tujuan rekod sebagaimana yang dikehendaki di bawah Enakmen ini; dan
- (b) dikemas kini dari semasa ke semasa dan disimpan dalam keadaan baik.

(3) Lembaga boleh, dari semasa ke semasa, memberi senarai pembeli sebagaimana diselenggara di bawah subseksyen (1) kepada mana-mana pemaju perumahan dan pemaju perumahan itu hendaklah menawarkan kepada pembeli mana-mana rumah mampu milik yang ada untuk jualan.

(4) Mana-mana orang boleh meminta apa-apa maklumat yang terkandung dalam daftar itu, dan Lembaga boleh, jika difikirkan patut, memberi maklumat itu dan mengenakan fi bagi maklumat itu.

### **Pengecualian bayaran**

**53.** Mana-mana agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan atau Badan Berkanun Persekutuan dan Negeri boleh dikecualikan daripada apa-apa bayaran fi yang ditetapkan di bawah Enakmen ini.

### **BAHAGIAN VIII**

#### **PENGUATKUASAAN DAN PENYIASATAN**

### **Pelantikan, kuasa, fungsi dan tugas Pegawai Penguatkuasa**

**54.** (1) Lembaga boleh melantik seberapa bilangan Pegawai Penguatkuasa daripada kalangan pekerjanya sebagaimana yang difikirkan perlu bagi maksud menguatkuasakan Enakmen ini.

(2) Perlantikan Pegawai Penguatkuasa hendaklah disiarkan dalam *Warta*.

(3) Tertakluk kepada peruntukan subseksyen (4), seseorang Pegawai Penguatkuasa yang dilantik di bawah subseksyen (1) hendaklah mempunyai segala kuasa untuk—

- (a) menyiasat apa-apa kesalahan di bawah Enakmen ini;
- (b) menjalankan apa-apa siasatan di bawah Enakmen ini; dan
- (c) menguatkuasakan mana-mana peruntukan di bawah Enakmen ini.

(4) Seseorang Pegawai Penguatkuasa hendaklah tertakluk kepada arahan dan kawalan—

- (a) Ketua Pegawai Eksekutif;
- (b) mana-mana pekerja Lembaga yang diberi kuasa oleh Ketua Pegawai Eksekutif untuk bertindak bagi pihaknya; dan
- (c) mana-mana Pegawai Penguatkuasa lain yang lebih tinggi daripadanya dari segi pangkat.

(5) Seseorang Pegawai Penguatkuasa hendaklah menjalankan kuasa sebagaimana yang dinyatakan dalam subseksyen (3) dengan mematuhi arahan, syarat, sekatan atau batasan yang ditetapkan oleh orang yang dinyatakan dalam subseksyen (4) sama ada diberikan secara bertulis atau lisan.

(6) Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah mempunyai segala kuasa sebagai Pegawai Penguatkuasa.

(7) Lembaga boleh, secara bertulis, meletakhkan semua atau sebahagian kuasa dan tugas Pegawai Penguatkuasa kepada mana-mana pekerja Lembaga yang tidak dilantik sebagai Pegawai Penguatkuasa di bawah subseksyen (1).

**Kad kuasa**

**55.** (1) Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah mengeluarkan kepada setiap Pegawai Penguatkuasa yang dilantik menurut subseksyen 54(1), suatu kad kuasa yang hendaklah ditandatangani oleh Ketua Pegawai Eksekutif.

(2) Semasa Pegawai Penguatkuasa itu menjalankan mana-mana kuasa di bawah Enakmen ini, dia hendaklah, apabila diminta, mengemukakan kepada orang yang terhadapnya dia bertindak itu atau yang daripadanya dia mengkehendaki apa-apa maklumat, kad kuasa yang dikeluarkan kepadanya di bawah subseksyen (1).

**Kuasa untuk memasuki dan memeriksa**

**56.** Tertakluk kepada apa-apa peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen 63, seseorang Pegawai Penguatkuasa atau pekerja yang diletakkan dengan kuasa Pegawai Penguatkuasa, pada bila-bila masa yang munasabah setelah menunjukkan kad kuasa yang ditetapkan oleh Lembaga, boleh—

- (a) memasuki mana-mana perumahan awam atau rumah mampu milik yang difikirkan perlu oleh Ketua Pegawai Eksekutif;
- (b) membuat apa-apa pemeriksaan dan siasatan sebagaimana yang perlu bagi memastikan peruntukan Enakmen ini atau peraturan yang dibuat di bawahnya sedang dipatuhi atau telah dipatuhi dalam mana-mana premis atau tempat tersebut;
- (c) menyoal periksa mana-mana orang, sama ada dengan atau tanpa kehadiran mana-mana orang lain, berkenaan dengan apa-apa perkara di bawah Enakmen ini bagi mendapatkan maklumat daripada mana-mana orang mengenai hal perkara siasatan itu dan bagi maksud soal periksa tersebut boleh mengeluarkan notis kepada mana-mana orang untuk hadir pada masa dan tempat yang dinyatakan dalam notis itu; dan
- (d) menjalankan mana-mana kuasa lain yang sebagaimana yang perlu bagi melaksanakan Enakmen ini.

**Halangan daripada melaksanakan tugas**

**57.** (1) Mana-mana orang yang menghalang, menggalang, melengah-lengahkan atau mengganggu Ketua Pegawai Eksekutif, mana-mana anggota atau pekerja Lembaga yang diberi kuasa atau pegawai polis atau Pegawai Penguatkuasa daripada—

- (a) melaksanakan mana-mana kuasa dibawah Enakmen ini;
- (b) menguatkuasakan mana-mana peraturan di bawah Enakmen ini; atau
- (c) memberikan bantuan yang semunasabahnya apabila dikehendaki;

adalah melakukan kesalahan.

(2) Mana-mana orang yang disabitkan dengan kesalahan di bawah subseksyen (1) boleh dikenakan denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan tidak melebihi enam bulan atau keduaduanya.

**BAHAGIAN IX**

AM

**Rayuan**

**58.** (1) Mana-mana orang yang terkilan terhadap apa-apa keputusan Lembaga boleh merayu kepada Pihak Berkuasa Negeri.

(2) Rayuan di bawah subseksyen (1) hendaklah dibuat di dalam apa-apa bentuk atau cara sebagaimana yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

**Lembaga disifatkan sebagai Melayu**

**59.** Bagi maksud Enakmen Rizab Melayu 1933 [*Bab 142*] berhubung dengan tanah yang dirizabkan untuk dimiliki oleh orang Melayu, Lembaga hendaklah disifatkan sebagai sebuah perbadanan Melayu.

**Pekhidmat awam**

**60.** Semua anggota Lembaga dan anggota mana-mana jawatankuasa, dan pekerja dan ejen Lembaga, semasa menunaikan kewajipan mereka di bawah Enakmen ini sebagai anggota, pekerja atau ejen sedemikian hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan [*Akta 574*].

**Pemakaian Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 [*Akta 198*]**

**61.** Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 [*Akta 198*] hendaklah terpakai bagi apa-apa tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding terhadap Lembaga atau terhadap mana-mana anggota, pekerja atau ejen Lembaga berkenaan dengan apa-apa perbuatan, keabaian atau keingkaran yang dibuat atau dilakukan olehnya atas sifat yang sedemikian.

**Perlindungan terhadap tindakan guaman dan prosiding undang-undang**

**62.** Tiada tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding lain, dan perjanjian yang dimasuki, boleh diambil atau dibawa, dimulakan atau dikekalkan dalam mana-mana mahkamah terhadap anggota Lembaga, anggota jawatankuasa, Ketua Pegawai Eksekutif, Pegawai Penguatkuasa, pekerja atau ejen Lembaga dengan apa-apa perbuatan, pengabaian atau keingkaran yang dibuat atau dilakukan olehnya dengan suci hati atau apa-apa peninggalan olehnya dengan suci hati atas sifat yang sedemikian.

**Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan**

**63.** (1) Pihak Berkuasa Negeri boleh, tertakluk kepada peruntukan Jadual Kedua, Akta Perbadanan (Kekompetenhan Badan Perundangan Negeri) 1962 [*Akta 380*] dan setelah berunding dengan Lembaga, membuat apa-apa peraturan sebagaimana yang perlu atau suai manfaat untuk melaksanakan sepenuhnya atau bagi melaksanakan peruntukan Enakmen ini dengan lebih baik.

(2) Tanpa menjelaskan kluasan subseksyen (1), peraturan-peraturan boleh dibuat bagi atau berkenaan dengan semua atau mana-mana perkara yang berikut:

- (a) penubuhan dan penyelenggaraan satu daftar mana-mana orang yang menjalankan pemajuan perumahan dan hartanah;
- (b) penetapan yuran, bayaran dan lain-lain kadar;
- (c) pengurusan kuantiti, kualiti dan syarat pemajuan perumahan dan hartanah khususnya perumahan awam dan rumah mampu milik;
- (d) pengukuran, klasifikasi dan penyelenggaraan rekod kuantiti, kualiti atau ciri-ciri lain bagi pemajuan perumahan dan hartanah;
- (e) perancangan yang teratur, rekaan, pembinaan, pengurusan, operasi, pengawasan dan penyelenggaraan pemajuan perumahan dan hartanah yang dijalankan oleh Lembaga atau sebaliknya;
- (f) klasifikasi dan peruntukan bagi mana-mana perumahan sebagai perumahan awam dan rumah mampu milik;
- (g) penyerahan laporan, akaun, statistik dan maklumat lain oleh pemaju perumahan dan hartanah;
- (h) syarat-syarat untuk mengambil alih perumahan yang dijual oleh Lembaga;
- (i) syarat-syarat dan tatacara pengusiran mana-mana orang dari perumahan awam atau hartanah yang disewakan dari Lembaga;
- (j) cara diperuntukkan rumah kepada pembeli termasuk syarat, tatacara dan prosedur pembahagian itu;

- (k) bayaran, kos, fi atau caj dan jumlah lain yang dikenakan untuk mana-mana perkara atau diberi kuasa yang dilakukan di bawah Enakmen ini atau peraturan di bawahnya;
- (l) menetapkan kesalahan yang boleh dikompaun dan menetapkan bentuk borang yang digunakan serta tatacara untuk mengkompaun kesalahan itu;
- (m) kutipan, pelepasan, rebet atau penangguhan bayaran mana-mana jumlah yang perlu dibayar kepada Lembaga di bawah Enakmen ini; dan
- (n) memperuntukkan bagi apa-apa perkara lain sebagaimana yang perlu bagi melaksanakan Enakmen ini.

### **Kesalahan dan penalti am**

**64.** Mana-mana orang yang melanggar atau gagal untuk mematuhi apa-apa peruntukan di bawah Enakmen ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya, adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, jika disabitkan, didenda tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua belas bulan atau kedua-duanya.

### **Kesalahan oleh pertubuhan perbadanan**

**65.** Jika suatu pertubuhan perbadanan yang ditubuhkan di bawah seksyen 20 melakukan kesalahan di bawah Enakmen ini—

- (a) mana-mana orang yang, pada masa kesalahan itu dilakukan merupakan Ketua Pegawai Eksekutif, pengurus, setiausaha, atau pekerja yang seumpamanya bagi pertubuhan perbadanan itu boleh didakwa secara berasingan atau bersama dalam prosiding yang sama dengan pertubuhan perbadanan itu; dan

- (b) tiap-tiap Ketua Pegawai Eksekutif, pengurus, setiausaha atau pekerja yang seumpamanya bagi pertubuhan perbadanan itu, yang dalam apa-apa cara, melalui perbuatan atau peninggalan secara langsung, terlibat dengan atau menjadi pihak dalam, perlakuan kesalahan itu hendaklah disifatkan telah melakukan kesalahan itu,

melainkan jika dia membuktikan kesalahan itu telah dilakukan tanpa pengetahuannya atau bahawa dia telah mengambil segala langkah-langkah berjaga-jaga yang munasabah atau bahawa dia telah mengambil segala usaha yang wajar bagi mengelakkan kesalahan itu daripada berlaku.

### **Pendakwaan**

**66.** Tiada pendakwaan bagi suatu kesalahan di bawah Enakmen ini atau mana-mana peraturan di bawahnya boleh dimulakan kecuali oleh atau dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya.

### **Pengkompaunan kesalahan**

**67.** (1) Pihak Berkuasa Negeri boleh menetapkan mana-mana kesalahan di bawah Enakmen ini sebagai kesalahan yang boleh dikompaun.

(2) Ketua Pegawai Eksekutif boleh, dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya, mengkompaun apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh mana-mana orang yang ditetapkan sebagai suatu kesalahan yang boleh kompaun dengan membuat suatu tawaran bertulis kepada orang yang disyaki melakukan kesalahan itu untuk mengkompaun kesalahan itu dengan membayar kepada Lembaga suatu amaun yang tidak melebihi lima puluh peratus daripada amaun denda maksimum bagi kesalahan itu dalam masa yang ditetapkan dalam tawaran itu.

(3) Suatu tawaran di bawah subseksyen (2) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan, tetapi sebelum apa-apa pendakwaan ke atasnya dimulakan, dan jika amaun yang dinyatakan dalam tawaran itu tidak dibayar dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran itu atau dalam apa-apa tempoh lanjutan sebagaimana yang

diberikan oleh Lembaga, pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran itu dibuat.

(4) Jika sesuatu kesalahan telah dikompaun di bawah subseksyen (2), tiada pendakwaan boleh dimulakan selepas itu berkenaan dengan kesalahan terhadap orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun itu dibuat.

(5) Apa-apa wang yang dibayar kepada Lembaga di bawah seksyen ini hendaklah dibayar ke dalam dan menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang.

### **Salah menggunakan maklumat**

**68.** Seseorang anggota Lembaga atau jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah seksyen 12, Ketua Pegawai Eksekutif atau pekerja Lembaga hendaklah tidak menggunakan apa-apa maklumat yang diperolehi dengan sebab kedudukannya untuk mendapat apa-apa faedah yang tidak wajar sama ada secara langsung atau tidak langsung untuk dirinya sendiri atau orang lain atau menyebabkan kerugian kepada Lembaga.

### **Obligasi kerahsiaan**

**69.** (1) Kecuali bagi mana-mana maksud Enakmen ini atau mana-mana prosiding sivil atau jenayah di bawah mana-mana undang-undang bertulis, tiada anggota Lembaga atau jawatankuasa, pekerja atau ejen Lembaga, sama ada dalam tempoh jawatan atau penggajian atau selepas itu, boleh memberikan atau selainnya mendedahkan maklumat atau dokumen itu kepada mana-mana orang.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua belas bulan atau kedua-duanya.

**Penyampaian**

**70.** (1) Apa-apa notis atau dokumen lain yang dikehendaki diberikan atau disampaikan di bawah Enakmen ini kepada mana-mana orang boleh dihantar melalui serahan tangan atau pos berdaftar.

(2) Suatu notis atau dokumen sedemikian hendaklah disifatkan telah disampaikan pada hari yang berikutnya hari notis atau dokumen itu sepatutnya diterima dalam perjalanan pos biasa.

(3) Jika seseorang yang kepadanya suatu surat berdaftar di bawah subseksyen (1) dialamatkan, dimaklumkan berkenaan terdapatnya surat berdaftar di pejabat pos dan dia enggan atau abai untuk mengambil surat berdaftar itu, maka notis atau dokumen itu hendaklah disifatkan telah disampaikan kepadanya pada tarikh yang dia dimaklumkan sedemikian.

**Penggulungan dan pembubaran**

**71.** (1) Dewan Negeri boleh, melalui usul yang dibawa oleh Pihak Berkuasa Negeri, mengarahkan supaya Lembaga digulung dan dibubarkan.

(2) Apabila Lembaga dibubarkan, aset-aset Lembaga hendaklah, selepas membayar semua tanggungan, dijelaskan dan dilepaskan, dilupuskan mengikut cara sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri selepas berunding dengan Pihak Berkuasa Negeri.

**JADUAL**

[seksyen 20]

**PENUBUHAN PERBADANAN****Kuasa Lembaga untuk membuat peraturan-peraturan berkenaan dengan perbadanan**

**1.** (1) Lembaga boleh, dengan kelulusan Menteri setelah berunding dengan Menteri Besar, membuat peraturan-peraturan sebagaimana yang suai manfaat atau perlu bagi menjalankan maksud Enakmen ini.

(2) Lembaga hendaklah, pada atau sebelum tarikh apa-apa perbadanan ditubuhkan di bawah seksyen 20, membuat peraturan-peraturan berkenaan dengan perbadanan itu yang menentukan -

- (a) maksud dan tujuan perbadanan itu ditubuhkan;
- (b) hak, kuasa, tugas dan fungsi perbadanan itu;
- (c) sistem pengurusan perbadanan itu; dan
- (d) hubungan antara perbadanan itu dengan Lembaga dan hak pengawalan Lembaga ke atas perbadanan itu.

### **Pengecualian**

2. Tiada apa-apa jua di perenggan 1 hendaklah disifatkan memberi kuasa kepada Lembaga untuk membuat peraturan-peraturan bagi menubuhkan sebarang perbadanan untuk apa-apa maksud atau tujuan yang baginya Lembaga ditubuhkan atau memberi mana-mana perbadanan apa-apa hak, tugas atau fungsi Lembaga di bawah Enakmen ini.

### **Peraturan-peraturan tertakluk kepada Enakmen ini**

3. Tertakluk kepada peruntukan Enakmen ini dan mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen 63, apa-apa peraturan-peraturan yang dibuat di bawah perenggan 1 hendaklah mengikat perbadanan yang berkenaan dengannya peraturan itu telah dibuat dan hendaklah berkuat kuasa bagi segala maksud seolah-olah peraturan-peraturan itu telah diperbuat dalam Enakmen ini.

### **Pindaan kepada peraturan-peraturan**

4. Lembaga boleh pada bila-bila masa meminda, membatalkan atau membuat tambahan kepada mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat terhadap mana-mana perbadanan di bawah perenggan 1 dan seksyen 34 Akta Tafsiran 1948 dan 1967 [Akta 388] hendaklah diterima pakai dalam mana-mana peraturan-peraturan yang dipinda atau dibatalkan seolah-olah peraturan-peraturan tersebut adalah undang-undang bertulis.

**Daftar perbadanan**

5. Lembaga hendaklah menyimpan suatu daftar dalam bentuk yang ditetapkan mengenai semua perbadanan yang ditubuhkan olehnya di bawah seksyen 20 dan daftar itu, beserta dengan salinan segala peraturan-peraturan yang dibuat di bawah perenggan 1, hendaklah terbuka untuk pemeriksaan awam di tempat dan pada masa yang ditetapkan olehnya.

**Penggulungan**

6. (1) Lembaga boleh melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, mengarahkan supaya mana-mana perbadanan yang ditubuhkan olehnya digulung dan dibubarkan.

(2) Apabila mana-mana perbadanan dibubarkan, setelah dijelaskan segala tanggungan, dilepaskan mengikut cara yang ditetapkan oleh Menteri setelah berunding dengan Pihak Berkuasa Negeri.

(3) Penggulungan sesuatu perbadanan di bawah perenggan ini hendaklah dijalankan mengikut cara yang ditetapkan oleh Lembaga.

**Perbadanan hendaklah menjadi pertubuhan perbadanan**

7. Tiap-tiap perbadanan yang ditubuhkan di bawah seksyen 20 hendaklah menjadi suatu pertubuhan perbadanan dengan apa-apa nama yang diberikan oleh Lembaga dan hendaklah kekal turuntemurun dan mempunyai suatu meterai biasa dan boleh mendakwa dan didakwa atas nama itu dan, bagi maksud melaksanakan projek, skim atau pengusahaan yang baginya ia telah ditubuhkan, boleh membuat kontrak, dan boleh memegang dan membuat apa-apa urusan berkenaan dengan apa-apa harta tak alih dan boleh melakukan segala perkara dan benda lain yang bersampingan atau berkaitan dengan sesuatu perkara pertubuhan perbadanan yang selaras dengan peruntukan Enakmen ini dan dengan tertakluk kepada apa-apa sekatan atau batasan yang ditetapkan oleh Lembaga dalam setiap perkara.

**Meterai biasa perbadanan**

8. (1) Tiap-tiap perbadanan hendaklah mempunyai suatu meterai biasa yang mengandungi apa-apa reka bentuk yang diluluskan

oleh perbadanan dengan kelulusan Lembaga dan meterai itu boleh dipecahkan, ditukar, diubah atau dibuat baru oleh perbadanan, dengan kelulusan Lembaga, sebagaimana yang didapati patut oleh perbadanan.

(2) Meterai biasa itu hendaklah disimpan dalam jagaan orang yang diberi kuasa oleh perbadanan, dan hendaklah disahkan oleh orang itu dan segala surat ikatan, dokumen dan surat cara lain yang seolah-olah dimeteraikan dengan meterai tersebut, disahkan sebagaimana yang disebutkan, hendaklah dianggapkan telah disempurnakan dengan sah sehingga dibuktikan sebaliknya.

(3) Apa-apa dokumen atau surat cara yang, jika disempurnakan oleh seorang yang bukan suatu pertubuhan perbadanan, tidak akan dikehendaki dimeteraikan boleh disempurnakan oleh perbadanan mengikut cara yang serupa, dan mana-mana dokumen atau surat cara itu boleh disempurnakan bagi pihak perbadanan itu oleh mana-mana pekerja atau ejen perbadanan tersebut yang diberi kuasa secara am atau khas oleh perbadanan bagi maksud itu.

(4) Meterai biasa tiap-tiap perbadanan hendaklah diberi pengiktirafan rasmi dan kehakiman.

Bertarikh 25 Mac 2016

[PSUK.Pk.[BPA].A355/128/1 JLD 4(1); PU.PK. 5/2015]

DATO' ROHANA ABD MALEK  
*Penasihat Undang-Undang Negeri  
Perak Darul Ridzuan*





# **LAWS OF THE STATE OF PERAK**

**ENACTMENT 11**

**PERAK HOUSING AND REAL PROPERTY  
BOARD ENACTMENT 2016**

Date of Royal Assent ... ... ... 15 June 2016

Date of publication in the *Gazette* ... ... 23 June 2016

# **PERAK HOUSING AND REAL PROPERTY BOARD ENACTMENT 2016**

---

## **ARRANGEMENT OF SECTIONS**

---

### **PART I PRELIMINARY**

#### **Section**

1. Short title and commencement
2. Interpretation

### **PART II THE BOARD**

3. Establishment of the Board
4. Vesting
5. Common seal of the Board
6. Membership of the Board
7. Vacation of office
8. Disclosure of interest
9. Validity of actions and proceedings
10. Meetings
11. Board may invite other persons to attend meetings
12. Board may establish committees
13. Minutes
14. Directions by the State Authority and Minister
15. Information to the State Authority
16. Presentation of projects to the State Authority

**PART III**  
**FUNCTIONS AND POWERS OF THE BOARD**

**Section**

17. Functions of the Board
18. Powers of the Board
19. Delegation of functions and powers of the Board
20. Power to establish corporation

**PART IV**  
**EMPLOYEES OF THE BOARD**

21. Chief Executive Officer
22. Temporary exercise of functions of Chief Executive Officer
23. Employment of government employees
24. Salaries, terms and conditions of service of the government employees to be taken into account
25. Continuation and completion of disciplinary proceedings
26. Appointment of other employees
27. Regulations with respect to employment
28. Discipline and surcharge
29. Power to employ agents
30. Board may adopt regulations *etc.*

**PART V**  
**FINANCE**

31. Fund
32. Gifts
33. Power to borrow
34. Finance
35. Loans and scholarships

## Section

36. Power to give financial assistance, investment *etc.*
37. Unexpended assets
38. Assets not to be disposed off without consent
39. Keeping of accounts
40. Financial year and audited accounts
41. Investigation of accounts
42. Annual report

## PART VI

### DEVELOPMENT OF HOUSING AND REAL PROPERTY

43. Responsibilities for housing and real property development
44. Furnishing of information
45. Registration of persons engaged in housing and real property development
46. Board may evict and take vacant possession
47. Acquisition of land

## PART VII

### PUBLIC HOUSING

48. Saving for other legislation *etc.*
49. Sale price
50. Qualification of purchaser
51. Decision
52. Register of purchaser
53. Exemption from payment

PART VIII  
ENFORCEMENT AND INVESTIGATION

Section

54. Appointment, powers, functions and duties of Enforcement Officer
55. Authority card
56. Power to enter and inspect
57. Obstruction from carrying out duties

PART IX  
GENERAL

58. Appeal
59. Board deemed to be Malay
60. Public servants
61. Application of Public Authorities Protection Act 1948  
[*Act 198*]
62. Protection against suit and legal proceedings
63. Power to make regulations
64. General offence and penalty
65. Offence by body corporate
66. Prosecution
67. Compounding of offences
68. Improper use of information
69. Obligation of secrecy
70. Service
71. Winding up and dissolution

SCHEDULE

**LAWS OF THE STATE OF PERAK****ENACTMENT 11****PERAK HOUSING AND REAL PROPERTY  
BOARD ENACTMENT 2016**

I ASSENT,

SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH,  
*Sultan of Perak*

15 June 2016

An Enactment to provide for the establishment of the Perak Housing and Real Property Board which is intended to monitor, promote, coordinate, facilitate and carrying out housing and real property development in the State of Perak and matters connected therewith.

[ ]

**ENACTED** by the Legislature of the State of Perak Darul Ridzuan as follows:

PART I  
PRELIMINARY

**Short title and commencement**

1. (1) This Enactment may be cited as the Perak Housing and Real Property Board Enactment 2016.
- (2) This Enactment comes into operation on a date to be appointed by the State Authority by notification in the *Gazette*.

**Interpretation**

**2.** (1) In this Enactment, unless the context otherwise requires—

“Government agency” means any ministry, department, office, agency, authority, commission, committee, board, council or other body, incorporated or unincorporated, of the Federal Government, State Government or local government, whether established under written law or otherwise;

“State Legislative Assembly” means the Legislative Assembly of the State of Perak;

“real property” means any land on which would be, is being or has been erected whether completed or otherwise, any commercial activity building to assist and support the housing development;

“committee” means any committee established by the Board under section 12;

“State Government” means the Government of the State of Perak;

“Auditor General” means the Auditor General of Malaysia;

“Chief Executive Officer” means the Chief Executive Officer of the Board appointed under section 21;

“Fund” means the Perak Housing and Real Property Fund established under section 31;

“Board” means the Perak Housing and Real Property Board established under section 3;

“Minister” means the Prime Minister or such Minister as may be nominated by the Prime Minister;

“Menteri Besar” means Menteri Besar of Perak;

“State” means the State of Perak;

“Enforcement Officer” means the Enforcement Officer appointed under section 54;

“real property developer” means any person, body of persons, company, firm or society (by whatever name described), who or which engages in or carries on or undertakes or causes to be undertaken a real property development in the State;

“housing developer” has the same meaning assigned to it in the Housing Development (Control and Licensing) Act 1966 [Act 118];

“real property development” means—

- (i) to develop or construct or cause to be constructed the real property in any manner whatsoever and includes the collection of monies or carrying on of any building operations for the purpose of erecting real property in, on, over or under any land; or
- (ii) the sale of real property by the land owner or his nominee with the view of constructing real property by the said land owner or his nominee to assist and support the housing development;

“housing development” has the same meaning assigned to it in the Housing Development (Control and Licensing) Act 1966 [Act 118];

“Chairman” means the Chairman appointed under section 6 and includes the Deputy Chairman and any temporary Chairman exercising the duties of the Chairman;

“authorized occupier” means—

- (i) a person who is named in the application made to the Board as the person who intends to reside in the house, apartment or other accommodation rented or sold or to be sold by the Board; or
- (ii) any person who is authorized in writing by the Board to reside in the house, apartment or other accommodation;

“housing” includes any building, tenement or messuage which is wholly or principally whether completed or otherwise, adapted or intended for—

- (i) human habitation;
- (ii) partly for human habitation and partly for businesses premises; or
- (iii) other type of housing as may be prescribed by the State Authority from time to time;

“public housing” means any housing development, by the Federal and State Government or the Federal and State agency for the low and middle income groups as prescribed by the Board from time to time;

“public authority” means any authority exercising powers vested in it by Federal or State law, or any person appointed by or acting on behalf of any such authority;

“State Authority” means the Executive Council of the State Government of Perak;

“affordable houses” means any housing development developed by the private for the low and middle income groups as prescribed by the Board from time to time;

“completed” means has been issued with certificate of completion and compliance under the Street, Drainage and Building Act 1974 [Act 133] or any subsidiary legislation made under the Act; and

“Deputy Chairman” means the Deputy Chairman appointed under section 6.

(2) In this Enactment, references to a house, apartment or other living accommodation shall be construed to include references to the land appurtenant to the house, apartment or other living accommodation.

PART II  
THE BOARD

**Establishment of the Board**

**3.** (1) A body corporate to be known as “Perak Housing and Real Property Board” is established.

(2) The Board shall have perpetual succession and a common seal.

(3) The Board may sue and be sued in its own name.

(4) Subject to and for the purpose of this Enactment, the Board may, upon such terms as it deems fit—

(a) enter into contracts;

(b) acquire, purchase, take, hold, sell and enjoy any movable or immovable property; and

(c) convey, assign, surrender, yield up, charge, mortgage, demise, reassign, transfer or otherwise dispose of, or deal with, any movable or immovable property or any interest therein vested in the Board.

**Vesting**

**4.** (1) Subject to this Enactment, the State Authority may, by order published in the *Gazette*, appoint a vesting date and on such date any property, right, interest, obligation and liability of the State Government relating to—

(a) the Public Housing Division of the State Secretary Office of Perak; and

(b) the Housing Unit of the Director of Lands and Mines Office of Perak,

shall be transferred to and vested in the Board without any conveyance, assignment or transfer.

(2) Every property, right, interest, obligation and liability transferred to and vested in the Board by virtue of subsection (1) shall be so transferred to and vested in the Board for the like title, estate or interest and on the like tenure as the property, right, interest, obligation and liability was vested or held immediately before the vesting date.

(3) Every chose in action, right, interest, obligation or liability vested in the Board by virtue of subsection (1) may, on and after the vesting date, be sued on, recovered or enforced by the Board in its own name and it shall not be necessary for the Board or State Government to give notice to—

- (a) the person bound by the chose in action; or
- (b) the person whose right, interest, obligation or liability is affected by, vesting made under subsection (1).

(4) Any pending legal proceeding by or against the State Government which relates to any property, right, interest, obligation or liability transferred to and vested in the Board by virtue of subsection (1) may, on and after the vesting date, be continued by or against the Board.

(5) In the case of rights, interests, obligations and liabilities arising under any loan which are vested in the Board on the vesting date, the Board may enter into such agreements or arrangements over such rights, interest, obligations and liabilities with the State Government or any other person.

(6) Where by virtue of subsection (1) any property transferred to and vested in the Board, the provisions of Part Thirty of the National Land Code [Act 56 of 1965] shall, for the purpose of effecting of registration for such vesting, apply to the Board.

(7) On and after the vesting date, any agreement, deed or other arrangement relating to any property, right, interest, obligation and liability transferred to and vested in the Board of subsection (1) to which the State Government was a party immediately

before the vesting date, whether in writing or not, and whether or of such a nature that property, right, interest, obligation under the agreement, deed or other arrangement, as the case may be, should be assigned by the State Government, shall have effect as if the Board has been a party to such agreement, deed or other arrangement.

(8) In this section, “vesting date” means the date appointed by the State Authority under subsection (1).

### **Common seal of the Board**

**5.** (1) The common seal of the Board shall bear such device as the Board may approve and such seal may be broken, changed, altered or made anew by the Board as it thinks fit.

(2) Until a seal is provided by the Board, a stamp bearing the words “Perak Housing and Real Property Board” may be used and shall be deemed to be the common seal of the Board.

(3) The common seal of the Board shall be kept in the custody of the Chairman and shall be authenticated by—

- (a) two members of the Board who are authorized by the Board; or
- (b) a member of the Board who is authorized by the Board and the Chairman.

(4) All deeds, documents and other instruments purporting to be sealed with the common seal and authenticated in accordance with subsection (3) shall, until the contrary is proved, be deemed to have been validly executed.

(5) The common seal of the Board shall be officially and judicially noticed.

### **Membership of the Board**

**6.** (1) The Board shall consist of—

- (a) the Menteri Besar as the Chairman or any person nominated by him;

- (b) the member of Executive Council of the State Government responsible in respect of housing matters as the Deputy Chairman;
- (c) three members by virtue of the offices, and they shall be for the time being holding the offices of the State Secretary, the State Legal Adviser and the State Financial Officer;
- (d) three representatives of the Federal Government appointed by the Minister; and
- (e) not more than four representatives from any corporation, agency or any person who is beneficial to the Board to be appointed by the Menteri Besar.

(2) A member of the Board appointed under paragraph (1)(e), shall hold office for a term not exceeding two years and shall be eligible for reappointment, unless he sooner resigns or vacates his office or his appointment is revoked by the Menteri Besar.

(3) The members of the Board may be paid such remuneration or allowances as determined by the State Authority.

### **Vacation of office**

7. (1) The office of a member of the Board appointed under paragraph 6(1)(e) shall be vacated if—

- (a) he dies;
- (b) there has been proved against him, or he has been convicted on, a charge in respect of—
  - (i) an offence involving fraud, dishonesty or moral turpitude;
  - (ii) an offence under any law relating to corruption or under this Enactment; or

(iii) any other offence punishable with imprisonment for a term of more than two years;

(c) he becomes a bankrupt;

(d) he is of unsound of mind or is otherwise incapable of discharging his duties;

(e) he absents himself from three consecutive meetings of the Board without leave of the Chairman;

(f) his resignation is accepted by the Menteri Besar; or

(g) his appointment is revoked by the Menteri Besar.

(2) The vacancy caused by subsection (1) shall be filled with a new appointment made in the same manner as that in which the member, whose place it is intended to fill thereby, was appointed.

### **Disclosure of interest**

**8.** (1) A member of the Board or member of any committee established under section 12 who has or acquires a direct or indirect interest by himself, a member of his family or his associate in relation to any matter under discussion by the Board or such committee shall disclose to the Board or such committee, as the case may be, the fact of his interest and the nature of such interest.

(2) A disclosure under subsection (1) shall be recorded in the minutes of the Board or such committee, as the case may be, in which the matter is discussed and after the disclosure, the member—

(a) shall be disregarded for the purpose of constituting a quorum of the meeting of the Board or such committee, as the case may be; and

(b) shall not take part or be present during any discussion or decision of the Board or such committee, as the case may be, when the matter is discussed or decided upon.

(3) No act or proceeding of the Board or committee shall be invalidated on the ground that any member of the Board or committee has contravened the provisions of this section.

(4) For the purpose of this section—

(a) “a member of his family”, in relation to a member of the Board or a committee, includes—

(i) his spouse;

(ii) his parents (including a parent of his or her spouse);

(iii) his children (including an adopted child or stepchild);

(iv) his siblings (including siblings of his spouse); and

(b) “associate”, in relation to a member of the Board or committee, means—

(i) any person who is a nominee or an employee of such member;

(ii) any firm of which such member or any nominee of his is a partner;

(iii) a partner of such member;

(iv) a trustee of a trust under which such member or a member of his family is a beneficiary; or

- (v) any corporation, within the meaning of the Companies Act 1965 [Act 125], of which such member or any nominee of his or a member of his family is a director or has a controlling interest or shares to the total value of not less than thirty percent of the total issued capital of the corporation.

### **Validity of actions and proceedings**

**9.** No act done or proceedings taken under this Enactment shall be questioned on the grounds of—

- (a) any vacancy in membership of the Board or committee, or defect in the establishment of the Board or committee;
- (b) any omission, defect or irregularity not affecting the merit of such case; or
- (c) contravention by any member of such committee in respect with disclosure of interest by such member.

### **Meetings**

**10.** (1) The Board shall meet at least once in every three months.

(2) The quorum of the Board at any meeting shall be half of the members of the Board being present including the Chairman or the Deputy Chairman with at least one member being a representative of the Federal Government being present.

(3) Notwithstanding anything provided under subsection (2), where the meeting of the Board deliberates or decides on matters under paragraphs 36(1)(a) to (d), the quorum shall be two third including the Chairman or the Deputy Chairman with at least one member being a representative of the Federal Government being present.

(4) The meeting shall be chaired by the Chairman or the Deputy Chairman.

(5) If on any question to be determined, there is an equality of votes, the Chairman or the Deputy Chairman, who may chair the meeting, shall have a casting vote in addition to his earlier vote.

(6) Subject to subsections (1) to (5), the Board shall determine the procedure of its meetings.

#### **Board may invite other persons to attend meetings**

**11.** (1) The Board may invite any person to attend any meeting or deliberation of the Board for the purpose of giving advice on any matter being discussed, but no person so invited shall be entitled to vote at any such meeting or deliberation.

(2) Any person invited to attend any meeting or deliberation of the Board under subsection (1) may be paid such allowance as determined by the Board.

#### **Board may establish committees**

**12.** (1) The Board may establish any committee as it considers necessary or expedient to assist it in the performance of its functions or duties and the exercise of its powers under this Enactment.

(2) Members of a committee established under subsection (1) may be appointed from amongst members of the Board or such other persons as the Board thinks fit.

(3) The Board may revoke the appointment of any member of a committee without giving any reason for the revocation.

(4) A member of committee may resign by giving a written notice to the Chairman.

(5) Any committee established under this section may appoint any of its member as chairman and may monitor its own procedure, and in carrying out its power the committee shall be subject to and act in accordance with any directive given to the committee by the Board.

(6) A member of a committee or any person invited to attend a meeting of the committee may be paid any allowance and other expenses as determined by the Board.

(7) Meetings of a committee shall be held at such times and places as determined by the chairman of the committee.

### **Minutes**

**13.** (1) The Board and committees shall maintain minutes of all its meetings in a proper form.

(2) Any minutes made of meetings of the Board or any committee, if duly signed, shall, in any proceedings, be admissible as *prima facie* evidence in court.

(3) Every meeting of the Board or any committee of which minutes have been made in accordance with subsections (1) and (2) shall be deemed to have been duly convened and held and all members at the meeting to have been duly qualified to act.

### **Directions by the State Authority and Minister**

**14.** (1) The State Authority may, from time to time, give the Board any direction as it thinks necessary of a general character consistent with the provisions of this Enactment relating to the functions, duties and powers of the Board, and the Board shall, as soon as possible, give effect to such direction.

(2) The Minister may give the Board any direction to be followed in exercise and performance of the functions, duties and the Board shall give effect to such direction.

(3) The Board may exercise any other function, carry out any other power and administer and expend any other monies for any purpose which may be allocated or given by the State Government or any authority, after being approved by the Federal Government and in doing so the Board shall be deemed to fulfill the purpose of this Enactment.

### **Information to the State Authority**

**15.** The Board or committee shall furnish any return, report, account and information to the State Authority with respect to its property and activities as the State Authority may require.

### **Presentation of projects to the State Authority**

**16.** (1) The Board or committee shall from time to time prepare and present to the State Authority proposals, plans and projects showing the nature of the works proposed to be executed.

(2) In considering proposal, plan and project tabled by the Board or committee, the State Authority may reject, modify or approve any such proposal, plan or project or any part thereof.

## PART III

### FUNCTIONS AND POWERS OF THE BOARD

#### **Functions of the Board**

**17.** The functions of the Board shall be to—

- (a) promote, facilitate, coordinate, manage, monitor and execute housing and real property development, in particular for the low and middle income groups;
- (b) ensure that this Enactment is administered, enforced, given effect to, carried out and complied with;

- (c) provide advice to the State Authority in respect of policies, methods and strategies to be adopted to promote and facilitate housing and real property development;
- (d) implement and give effect to any policy, directive or order of the State Authority;
- (e) facilitate the development of housing and real property in general and the development of public housing and affordable houses in particular;
- (f) undertake the role as the main coordinator between the Government and private agencies to enable accelerated development and implementation of housing and real property development;
- (g) develop, adopt and implement policies, guidelines, standards, methods and procedures pertaining to the development, management and allocation of public housing and affordable houses;
